05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN TEKNIK LUKISAN DIGITAL TINGKATAN 3 MENGGUNAKAN PERISIAN GIMP

FAIZURA NUR BINTI MOHAMED JAMION

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN TEKNIK LUKISAN DIGITAL TINGKATAN 3 MENGGUNAKAN PERISIAN GIMP

FAIZURA NUR BINTI MOHAMED JAMION

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH

IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

MOD PENYELIDIKAN

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	√
SarjanaPenyelidikan dan Kerja Kursus Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20 (hari bulan) 10 (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, FAIZURA NUR BINTI MOHAMED JAMION M20181000064 FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN TEKNIK LUKISAN DIGITAL TINGKATAN 3 MENGGUNAKAN PERISIAN GIMP adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, NOR SHAZWANI BINTI MAT SALLEH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN TEKNIK LUKISAN DIGITAL TINGKATAN 3 MENGGUNAKAN PERISIAN GIMP

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN SENI (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20.10.2021
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN TEKNIK LUKISAN DIGITAL TINGKATAN 3 MENGGUNAKAN PERISIAN GIMP

No. Matrik /*Matric's No.*: M20181000064

Saya / *I*: FAIZURA NUR BINTI MOHAMED JAMION

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

DR. NOR SHAZWANI MAT SALLEH
Timbalan Pengarah
Institut Ilmu & Pena Buruh
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

(Tandatangan Pelajar/ Signature)	(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*) & (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)
Tarikh: _____	

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam buat Nabi Muhammad S.A.W. ALHAMDULILLAH, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas petunjuk, limpah kurnia dan keizinannya serta memberikan saya kesihatan dan masa yang cukup, dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian dan menyelesaikan penulisan projek ini yang sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana telah memberi peluang kepada saya bagi mencapai cita-cita mulia ini. Kalungan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga yang tidak mampu untuk saya balas kembali hingga ke akhir hayat saya didedikasikan kepada penyelia saya Dr. Nor Syazwani binti Mat Salleh, Pm. Dr. Ridzwan bin Hussin atas kebijaksanaan memberi bimbingan, semangat, kesabaran, tunjuk ajar yang berguna kepada saya sehingga terhasilnya kajian ini. Sesungguhnya inspirasi dan komitmen yang diberikan amat dihargai. Beliau juga banyak memberi idea, pandangan, pemahaman serta cadangan bagi menambahbaikan kajian dan penulisan saya.

Limpahan kasih sayang yang tidak terhingga buat keluarga tersayang yang sentiasa menyokong dan mendoakan kejayaan saya. Sekalung terima kasih yang tidak berbelah bahagi dan tiada ucap kata yang boleh dilafazkan secara lisan mahupun bertulis kepada suami tercinta, Mohd Azuan bin Razali, mak dan abah di atas doa dan galakan yang tidak pernah putus dan sentiasa mengiringi saya untuk memastikan kelancaran pengajian saya ini. Terima kasih juga kepada abang-abang dan kakak saya serta seluruh ahli keluarga yang sentiasa menyokong saya dalam apa jua cara sekalipun.

Tidak pernah dilupakan buat sahabat-sahabat handai, Kak Yus, Kak Umi dan Kak Eza, terima kasih yang tidak terhingga kerana banyak membantu dalam melontarkan kata-kata semangat, dorongan dan keceriaan kepada saya sepanjang pengajian ini. Penghargaan juga kepada rakan-rakan seperjuangan sarjana atas sokongan motivasi, kerjasama, perbincangan dan perkongsian maklumat dalam menyempurnakan kajian ini.

Sekian, Terima Kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

ABSTRAK

Dalam pembelajaran abad ke-21, elemen teknologi ditekankan dalam pembelajaran di peringkat sekolah. Namun begitu, elemen teknologi ini masih kurang digunakan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 pada tajuk Lukisan Digital kerana perisian yang sedia ada memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkannya. Kajian ini bertujuan untuk membina modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital Tingkatan 3 menggunakan perisian sumber terbuka iaitu GIMP yang boleh digunakan, dikaji, diubah dan percuma bagi memudahkan guru dan murid dalam melaksanakan pembelajaran di dalam kelas. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kajian reka bentuk dan pembangunan untuk membangunkan modul berlandaskan kepada model ADDIE. Terdapat lima fasa yang perlu dilalui dalam membina modul MpTLD iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk Modul, Fasa Pembinaan Modul, Fasa Pelaksanaan dan Fasa Penilaian. Pembinaan modul ini juga berasaskan teori minimalis dan teori beban kognitif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sebagai analisis sokongan bagi dapatan kajian. Tinjauan awal dijalankan bagi mendapatkan kesahan tentang pembinaan modul. Seramai 32 orang murid terlibat dalam Fasa Pelaksanaan dan seramai 62 orang murid terlibat dalam Fasa Penilaian penggunaan modul MpTLD ini dalam pembelajaran di dalam kelas. Analisis data kajian yang dilakukan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 22.0. Analisis kebolehpercayaan item secara keseluruhan adalah menggunakan Model Pengukuran Rasch dengan melihat ujian kebolehgunaan Cronbach Alpha. Dapatan menunjukkan (i) penggunaan perisian sumber terbuka GIMP amat sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam tajuk Teknik Lukisan Digital Tingkatan 3, (ii) kebolehgunaan MpTLD sangat membantu murid dan guru dalam PdPc, (iii) murid bersetuju MpTLD mudah difahami,diikuti,grafik yang menarik dan ayat yang digunakan tidak berulang dan (iv) terdapat hubungan yang signifikan antara Kebolehgunaan MpTLD dengan Pembelajaran Kendiri Murid. Kajian ini memberi implikasi yang positif terhadap teori yang digunakan, praktikal dan pihak yang terlibat serta memberi sumbangan dalam bentuk teoritikal, metodologi, serta amalan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid dan guru Pendidikan Seni Visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

DEVELOPMENT OF LEARNING MODULE DIGITAL ART TECHNIC AMONG FORM 3 STUDENTS USING GIMP SOFTWARE

ABSTRACT

In 21st century learning, the technological element is emphasized in learning at the school level. However, this element of technology is still underused in the subject of Visual Arts Education Form 3 on the topic of Digital Drawing because the existing software requires a high cost to obtain it. This study aims to build a Form 3 Digital Drawing Technique learning module using open source software that is GIMP which can be used, studied, modified and free to facilitate teachers and students in implementing learning in the classroom. In the context of this study, the researcher used design and development study to develop a module based on the ADDIE model. There are five phases that need to be passed in building the MpTLD module, namely the Needs Analysis Phase, Module Design Phase, Module Construction Phase, Implementation Phase and Evaluation Phase. The construction of this module is also based on minimalist theory and cognitive load theory. The data collection methods used were questionnaires, interviews, observations and document analysis as supporting analysis for the findings of the study. A preliminary survey was conducted to obtain validity on the construction of the module. A total of 32 students were involved in the Implementation Phase and a total of 62 students were involved in the Evaluation Phase of the use of this MpTLD module in learning in the classroom. Analysis of study data was conducted using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22.0. The overall item reliability analysis was using the Rasch Measurement Model by looking at the Cronbach Alpha usability test. Findings show that (i) the use of GIMP open source software is very suitable for use as a teaching aid in the topic of Form 3 Digital Drawing Techniques, (ii) the usability of MpTLD is very helpful to students and teachers in PdPc, (iii) students agree MpTLD is easy to understand, followed, graphics interesting and the sentences used are not repetitive and (iv) there is a significant relationship between MpTLD Usability with Pupil Self -Learning. This study has positive implications on the theory used, practical and the parties involved as well as contributing in the form of theoretical, methodological, and self -learning practices among students and teachers of Visual Arts Education.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxi

BAB 1	**PENGENALAN**		
	1.1	Pendahuluan	1
	1.2	Latar Belakang Kajian	2
	1.3	Penyataan Masalah Kajian	5
	1.4	Tujuan Kajian	8
	1.5	Objektif Kajian	9
	1.6	Persoalan Kajian	9
	1.7	Hipotesis Kajian	10
	1.8	Kerangka Konseptual Kajian	11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

1.9	Skop Kajian	13
1.10	Kepentingan Kajian	13
	1.10.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	14
	1.10.2 Guru Pendidikan Seni	14
	1.10.3 Murid	15
1.11	Batasan Kajian	15
1.12	Definisi Operasional Istilah	16
	1.12.1 Penggunaan bahan bermodul	16
	1.12.2 Perisian GIMP	17
	1.12.3 Lukisan Digital	17
1.12	Rumusan	17
BAB 2	**TINJAUAN LITERATUR**	19
2.1	Pendahuluan	19
2.2	Perlaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	20
2.3	Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Modul	23
	2.3.1 Konsep Modul Pembelajaran	24
	2.3.2 Ciri-ciri modul yang baik	25
	2.3.3 Pembinaan Modul Perisian Sumber Terbuka GIMP	27
2.4	Teori-teori pembelajaran	29
	2.4.1 Teori Beban Kognitif	31
	2.4.2 Teori Minimalis	33

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

	2.5	Pendekatan Strategi Dan Perkaedahan	34
		2.5.1 Pembelajaran berbentukan komputer	35
	2.6	Strategi Pembelajaran Berasaskan Projek	36
	2.7	Perkaedahan Dalam Pembelajaran	38
		2.7.1 Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Modul	39
	2.8	Modul Reka bentuk Pengajaran	43
	2.7	Rumusan	45
BAB 3	**METODOLOGI KAJIAN**		
	3.1	Pengenalan	47
	3.2	Reka Bentuk Kajian Pembangunan	48
	3.3	Model Reka Bentuk Intruksional Pengajaran	49
		3.3.1 Fasa Analisis Keperluan	50
		3.3.2 Fasa Reka Bentuk Modul	52
		3.3.3 Fasa Pembinaan Modul	55
		3.3.4 Fasa Pelaksanaan	58
		3.3.5 Fasa Penilaian	58
	3.4	Populasi Kajian	63
	3.5	Pemilihan Responden Kajian	64
	3.6	Lokasi Kajian	65
	3.7	Instrumen Kajian	65
		3.7.1 Temu Bual Keperluan Modul	65
		3.7.2 Soal Selidik Keseluruhan Modul	67
	3.8	Etika Penyelidikan	70
	3.9	Kajian Rintis	71

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

3.10	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	72
	3.10.1 ProsedurKesahan Kandungan	73
	3.10.2 Pemeriksaan Kefungsian Instrument. Pembelajaran Kendiri MpTLD	74
3.11	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	77
3.12	Penganalisisan Data	79
3.13	Rumusan	80

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	81
4.2	Aplikasi Teori Dan Strategi Pembelajaran	82
	4.2.1 Teori Beban Kognitif	82
	4.2.2 Teori Minimalis	91
	4.2.3 Strategi Pembelajaran Berasaskan Proses	95
4.3	Dapatan Analisis Demografi Responden	96
4.4	Hasil Dapatan Kajian: Analisis Deskriptif Dan Inferensi	97
	4.4.1 Persoalan 1 : Adakah perisian sumber terbuka GIMP berkesan digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam Lukisan Digital digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam Lukisan Digital ?	98
	4.4.2 Persoalan 2: Adakah MpTLD menggunakan perisian GIMP ini dapat membantu murid dalam pembelajaran Lukisan Digital Tingkatan 3?	102
	4.4.3 Persoalan 3 :Adakah MpTLD berasaskan Teori Minimalis dan teori Beban Kognitif	106
	4.4.4Persoalan 4: Adakah terdapat hubungan antara modul pembelajaran teknik seni lukisan digital (MpTLD) dengan	111

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

		pembelajaran kendiri murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3?	
	4.5	Rumusan	117
BAB 5	**PERBINCANGAN,IMPLIKASI DAN CADANGAN**		119
	5.1	Pengenalan	119
	5.2	Ringkasan Kajian	120
	5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	122
		5.3.1 Keberkesanan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD)	122
		5.3.2 Kebolehgunaan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD)	124
		5.3.3 Kandungan pembelajaran berasaskan Teori Beban kognitif dan Teori Minimalis.	126
		5.3.4 Hubungan antara MpTLD dengan pembelajaran kendiri dalam murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3	128
	5.4	Rumusan Dapatan Kajian	130
	5.5	Implikasi Kajian	132
		5.5.1 Implikasi terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	133
		5.5.2 Implikasi terhadap guru Pendidikan Seni Visual	134
		5.5.3 Implikasi terhadap Murid	135
	5.6	Sumbangan Kajian	136
		5.6.1 Sumbangan kepada Teori	136
		5.6.2 Sumbangan kepada Praktikal	137
		5.6.3 Sumbangan kepada Industri dan Amalan PdPc dalam PSV	138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

	5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	139
	5.8	Rumusan	141
RUJUKAN			143
LAMPIRAN			150

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Dua jenis Penyelidikan Pembinaan	49
3.2	Teknik Pengumpulan Data yang digunakan dalam Fasa Analisis Keperluan	51
3.3	Aktiviti Pengumpulan Data Fasa Analisis Keperluan	52
3.4	Huraian Hasil Pembelajaran yang harus dicapai bagi setiap modul 1 hingga 4	57
3.5	Proses Penilaian Modul	60
3.6	Kandungan MpTLD	69
3.7	Ringkasan Item Dan Nilai Kebolehpercayaan Instrument Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital	76
3.8	Jadual perancangan mengikut fasa-fasa yang terdapat dalam model reka bentuk instruksi yang digunakan untuk memastikan modul yang dibangunkan dapat berjalan dengan lancar.	78
4.1	Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 5 Tahap (Skala likert 5	98
4.2	Analisis deskriptif skor min dan sisihan piawai bagi Keberkesanan Perisian sumber terbuka GIMP dalam Lukisan Digital	99
4.3	Analisis deskriptif skor min dan sisihan piawai bagi kebolehgunaan Modul Teknik Lukisan Digital	103
4.4	Analisis deskriptif skor min dan sisihan piawai bagi kebolehgunaan Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital berasaskan teori minimalis	106

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5	Analisis deskriptif skor min dan sisihan piawai bagi Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital berasaskan teori beban kognitif.	109
4.6	Ujian normaliti berdasarkan statistik pencongan dan kurtosis (n=62)	113
4.7	Saranan panduan oleh Alias Baba (1992)	115
4.8	Analisis inferensi Korelasi Rank Spearman's Rho bagi kebolegunaan MpTLD dan pembelajaran kendiri murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3	115

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	12
2.1	Muka depan perisian GIMP	29
3.1	Struktur Kandungan MpTLD	55
3.2	Proses penilaian Modul pemelajaran Teknik Lukisan Digital	59
3.3	Proses Etika Penyelidikan	71
4.1	Paparan Contoh Isi Kandungan Pembelajaran dalam MpTLD	83
4.2	Contoh ulasan pengenalan pembelajaran bagi unit 1: Modul 1 dalam MpTLD	84
4.3a	Paparan Teks Diminimakan dalam Unit 2: Modul 1 dalam MpTLD	85
4.3b	Paparan Teks Diminimakan dalam Unit 2: Modul 1 dalam dalam MpTLD	86
4.4a	Paparan Gabungan Teks Ke dalam Rajah	87
4.4b	Paparan Gabungan Teks Ke dalam Rajah	87
4.5a	Paparan Urutan Langkah dilabelkan beserta arahan kerja	88
4.5b	Paparan Urutan Langkah dilabelkan beserta arahan kerja	89
4.6	Paparan Latihan Pengukuhan disusun mengikut urutan soalan yang dikehendaki dalam modul 4	90

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

4.7	Proses pembelajaran bermakna dan mengandungi pelbagai aktiviti kendiri	92
4.8	Murid belajar melalui penghasilan projek secara kontekstual dari peringkat awal	92
4.9	Arahan pengajaran realistik	93
4.10	Pengajaran memberi ruang untuk arahan kendiri	94
4.11	Bahan latihan menyediakan tips untuk mengenal pasti kesalahan yang boleh dijadikan pengajaran	94
4.12	Latihan serta penggunaan sebenar mestilah ada hubungkait	95
4.13	Strategi Pembelajaran berasaskan projek	96
4.14	Scatter Plot dan Korelasi	114

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
MpTLD	Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital
ICT	Information and Comunications Technology
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
OK	Objektif Kajian
PK	Persoalan Kajian
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	Statistical Package for Sosial Science Version 17.0 for Window
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
PSV	Pendidikan Seni Visual
PB	Pembelajaran bermodul
MPK	Modul Kendiri
BBM	Bahan Bantu Mengajar
GIMP	The GNU Image Manipulation Program
ADDIE	Analyze, Design, Develop, Implementation dan Evaluation

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
DBAE	Discipline Based Art Education
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

SENARAI LAMPIRAN

A	Data Temu Bual Kepentingan Modul dan Keperluan Modul
B1	Data Tentang Pandangan dan Keberkesanan Modul Dalam Pembelajaran
B2	Data Tentang Pandanganbdan Keberkesanan Modul Dalam Pembelajaran
B3	Data Tentang Pandangan dan Keberkesanan Modul Dalam Pembelajaran
C	Data Tentang Keperluan Modul Dalam Pembelajaran, Tentang Perisian Penyuntingan Gambar dan Teknik Lukisan Digital
D	Rancangan Pengajaran Harian
E1-E6	Bukti Dokumen Murid
F	DSKP
G	Reka Bentuk Modul
H	Soalan Soal Selidik
I	Surat Kebenaran Ibu Bapa Penjaga
J	Surat Temubual Pakar
K	Nilai Kebolehpercayaan Kesahan Dan Kesahan Instrumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB-1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan dan menghuraikan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan melalui beberapa bahagian subtopik kecil iaitu perbincangan mengenai latar belakang, penyataan masalah, tujuan, objektif, persoalan dan kerangka konseptual kajian. Selain daripada itu kepentingan, batasan, skop serta definisi pemboleh ubah kajian juga turut dibincangkan. Latar belakang kajian menjelaskan mengenai objektif kajian yang merangkumi segala aspek yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam pelaksanaan kajian yang dijalankan. Penyataan masalah pula menjelaskan urutan fenomena berkaitan masalah spesifik yang dihadapi oleh murid atau guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Nor Syazwani, 2017). Subtopik penyataan masalah ini juga akan menerangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengenai isu-isu yang mendorong kajian ini dilaksanakan berikutan timbulnya masalah dalam kajian sebelumnya. Selain daripada itu, tujuan dan objektif kajian dinyatakan bagi menyingkap tentang persoalan yang ingin dijawab melalui kajian yang akan dijalankan. Skop kajian menerangkan tentang perkara yang dinilai dan ingin dicapai dalam kajian ini juga turut dibincangkan. Begitu juga pemboleh ubah yang terlibat untuk diselaraskan di dalam jawapan bagi menjawab persoalan kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah diperkukuh serta ditambah baik dan sekarang dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dicadangkan pelaksanaannya secara berperingkat. Kurikulum dan isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual telah disusun semula selaras dengan perkembangan terkini supaya penggunaannya lebih jelas dan dapat mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kandungan kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan Seni Halus, Komunikasi Visual, Reka Bentuk, Kraf Tradisional, Sejarah dan Apresiasi Seni. Matlamat utama Pendidikan Seni Visual adalah untuk membentuk sikap peribadi generasi yang terunggul di Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetika dan keindahan yang tinggi, berimaginatif, pemikiran yang kritis, boleh menghasilkan sesuatu produk yang kreatif, berinovatif dan berinventif. Antara objektif Pendidikan Seni Visual adalah untuk membolehkan murid menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik, dan teknologi untuk mereka cipta barangan kraf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan produk seni visual yang berkualiti dan mendapat nilai tambah dalam disiplin sains, teknologi dan mata pelajaran lain. (dipetik dari Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2015).

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah diwujudkan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dirangka dan dilancarkan pada 6 September 2013, perkara keenam menyatakan tentang matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia ingin memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2016).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti 11 anjakan PPPM dan setiap anjakan yang ada perlu memberikan sekurangnya satu kesan kepada lima keberhasilan sistem iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Anjakan ke tujuh ialah memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Dalam hal ini, penggunaan ICT perlulah berada pada tahap yang maksimum bagi pembelajaran kendiri supaya dapat meluaskan akses kepada satu kaedah pengajaran yang paling efektif tanpa mengira tempat dan lokasi. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

supaya murid dapat meningkatkan lagi kemahiran yang sedia ada dan lebih berdikari. Murid mempunyai kefahaman, kemahiran menggunakan ICT dan menunjukkan sikap yang positif dalam menggunakan sumber digital dimana murid lebih suka ke arah pembelajaran kendiri dan guru perlu mengadakan bahan seperti modul supaya dapat melancarkan lagi perjalanan PdPc sewaktu di dalam kelas ataupun semasa mengulangkaji di rumah (Puspa&Anuar, 2021). Bagi mencapai hasrat KPM, kajian ini amat sesuai dijalankan bagi mencapai tujuan tersebut.

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan pendidikan tidak dapat dipisahkan. Penggunaan komputer, audio dan internet dalam sistem pembelajaran adalah sangat penting supaya dapat melancarkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlaku. Secara tidak langsung memudahkan berlakunya komunikasi dua hala antara murid dan guru yang mana telah dilakukan dalam talian atas kepentingan TMK dalam dunia pendidikan (Shahrulnizam al., 2015).

Di dalam DSKP KSSM Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 (2017) juga ada menyatakan tentang Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Antara elemen yang telah diterapkan oleh pengkaji dalam tajuk Teknik Seni lukisan Digital ialah elemen TMK. Guru perlu menerapkan elemen TMK dalam PdP bagi melahirkan murid yang lebih kreatif dan berinovatif dapat menjadikan sesi pengajaran berjalan dengan lancar dan menyeronokkan. Dengan ini guru dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan menghasilkan sesi pembelajaran yang berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai usaha telah dilakukan dengan menerapkan unsur-unsur ilmu yang pelbagai dan berteknologi dalam bidang pendidikan. Berdasarkan KSSM DSKP PSV Tingkatan 3, 2017, murid perlu lebih fokus kepada perkembangan dalam pemikiran seni bagi murid dapat mencapai objektif. Dengan itu murid perlu diberi pengukuhan dalam pemahaman terhadap bidang seni visual. Bagi mencapai objektif yang dihasratkan, murid perlu diberi pengukuhan pemahaman terhadap bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Seni Halus, Reka Bentuk, Seni Kraf dan Komunikasi Visual. Seni Lukisan menggalurkan dan menyampaikan sejarah perkembangan Seni Lukisan tempatan dan karya lukisan kontemporari kepada murid (KPM 2017).

1.3 PENYATAAN MASALAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, penerapan ICT dibelenggu oleh masalah kos, infrastruktur dan kekurangan kefasihan komputer dalam kalangan pengamal pendidikan (Hasnul, 2000). Kesedaran terhadap keberkesanan penggunaan ICT dalam pendidikan perlu dipertingkatkan lagi tanpa menolak keberkesanan teknologi lama seperti radio dan televisyen (Tinio, 2003). Kehebatan ‘karamah’ seorang guru pada masa kini adalah bergantung kepada penggunaan teknologi dan gajet yang ada pada masa kini (Norhayati, 2008). Oleh itu, guru perlu bijak dalam menggunakan teknologi serta perisian pendidikan yang ada. Ada segelintir murid yang terlalu bergantung kepada guru untuk mendapatkan isi dalam pembelajaran kerana murid tidak mahu memajukan diri sendiri dan mereka kurang melihat persekitaran yang membuatkan perkembangan daya persepsi visual dan daya imaginasi terjejas (Hassan, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disebabkan itu, murid tidak dapat menghasilkan karya seni yang kreatif dan inovatif dan boleh menjejaskan kualiti mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Dalam pembelajaran abad ke-21, elemen teknologi ditekankan dalam pembelajaran di peringkat sekolah. Namun begitu, elemen teknologi ini masih kurang digunakan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bab lukisan digital tingkatan tiga. Oleh itu, guru Pendidikan Seni Visual dan pihak sekolah perlu mencari satu perisian sumber terbuka yang boleh diperkenalkan dan digunakan dalam lukisan digital yang berkonsepkan perisian yang boleh digunakan, dikaji, diubah, disalin dan boleh digunakan secara bebas yang sesuai digunakan oleh murid dan guru sewaktu sesi pembelajaran (Ahmad Zamzuri, 2018).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Pelbagai cara telah dilakukan oleh guru supaya murid dapat menguasai mata pelajaran PSV bagi menghasilkan karya yang kreatif dan lebih bermakna. Murid yang tidak dapat menguasai salah satu kemahiran yang diajar akan menyebabkan munculnya masalah di kemudian hari seperti mendapat keputusan yang tidak begitu cemerlang. Oleh itu guru perlulah mencari jalan untuk membantu murid seperti membuat satu latihan dengan mengkoordinasi ransangan mata, memupuk kemahiran berfikir aras tinggi dan mempraktikkan teori pembelajaran sewaktu PdPc dalam bilik darjah sedang dijalankan (Asmuni, 2008). Sungguhpun begitu, latihan yang banyak dan murid gigih serta tidak berputus asa boleh menyebabkan bakat seni diasah dan dapat melahirkan seniman. Salah satu sebab mata pelajaran PSV ini kurang diminati oleh murid adalah kerana mereka tidak yakin dengan kebolehan diri sendiri untuk mereka cipta ataupun untuk melukis serta mewarna (Fatimah, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada situasi di Malaysia, sehingga kini masih kurangnya kajian terhadap penggunaan perisian GIMP dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Kebanyakan jurnal dan tesis yang ada di Malaysia hanyalah lebih kepada masalah pendengaran dan masalah pembelajaran. Modul grafik seperti Adobe Photoshop, Adobe Illustrator, Paint dan lain-lain lagi banyak dijumpai tetapi tiada lagi modul yang menggunakan perisian GIMP dalam tajuk teknik lukisan digital.

Seperti yang kita tahu, penggunaan perisian aplikasi penyunting grafik seperti Adobe Photoshop, Corel Draw memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkan perisian tersebut. Tidak semua pihak sekolah dan murid mampu untuk memiliki perisian tersebut untuk dijadikan sebagai alat dalam pembelajaran. Perisian GIMP ialah perisian yang boleh digunakan di sekolah untuk topik teknik lukisan digital kerana ia adalah satu perisian aplikasi penyunting grafik yang percuma dan mudah di muat turun samada di komputer riba, komputer dan di telefon bimbit. Namun begitu, masih kurangnya modul mengenai GIMP yang boleh digunapakai oleh guru dan murid dalam pembelajaran topik Lukisan Digital. Zainuddin (2011), menyatakan dalam kajian beliau, mendapati responden tertarik dengan penggunaan video maya yang interaktif dan berwarna warni dalam subjek lukisan dan responden bersetuju menggunakan bahan interaktif tersebut sebagai latihan tambahan kursus lukisan diluar waktu kelas. Ini bermaksud dengan menggunakan kaedah perkomputeran murid akan lebih berminat dalam sesi PdPc. Modul yang dihasilkan akan memudahkan guru dalam pengajaran dan murid boleh mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selaras dengan menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan KSSM di sekolah, modul penggunaan perisian GIMP ini dapat membantu guru dalam pembelajaran Teknik Lukisan Digital

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkatan 3 dan justeru itu dapat memupuk minat murid dalam PdP di dalam kelas. Penggunaan perisian GIMP dalam menghasilkan lukisan digital boleh menarik minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Dunia pendidikan terus berkembang sesuai dengan peredaran teknologi zaman, namun sejauh mana penggunaan perisian GIMP ini dapat memberi impak yang positif dan dapat memupuk minat murid dalam menghasilkan lukisan menggunakan teknik lukisan digital dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Adakah dengan penggunaan perisian GIMP ini dapat dianggap sebagai BBM yang paling efektif dalam proses pembelajaran terutama dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual untuk tajuk teknik lukisan digital?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) menggunakan perisian GIMP yang mengambil kira kepelbagaian gaya belajar murid. Modul yang dibangunkan ini juga berasaskan teori minimalis dan teori beban kognitif. Dengan menggunakan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) ini diharap dapat membantu murid dalam aktiviti Eksplorasi Seni bagi menghasilkan karya menggunakan teknik lukisan digital. Murid juga dapat membuat eksperimentasi dan penerokaan dalam menghasilkan karya seni lukisan menggunakan teknik lukisan digital yang menggunakan modul perisian ini. Oleh itu, murid boleh menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif melalui aktiviti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan di dalam kelas. Justeru itu, murid dapat mencapai objektif pembelajaran di dalam tajuk lukisan.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian, empat objektif kajian (OK) dibentuk sebagai garis panduan kepada kajian ini. Objektif kajian adalah seperti berikut:

OK1. Menjelaskan perisian sumber terbuka GIMP berkesan digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam Lukisan Digital.

OK2. Menganalisis keperluan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) menggunakan perisian GIMP berkesan digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam lukisan digital tingkatan 3.

OK3. Membangunkan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) berasaskan teori minimalis dan teori beban kognitif.

OK4. Mengenal pasti samada Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) mempunyai hubungan dengan pembelajaran kendiri murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Seterusnya persoalan-persoalan kajian (PK) yang berkaitan dikemukakan sebagai asas pertimbangan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PK1: Adakah perisian sumber terbuka GIMP berkesan digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam Lukisan Digital?

PK2: Adakah Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) menggunakan perisian GIMP ini dapat membantu murid dalam pembelajaran lukisan digital Tingkatan 3 di sekolah?

PK3: Adakah modul pembelajaran teknik seni lukisan digital (MpTLD) berasaskan teori minimalis dan teori beban kognitif?

PK3.1: Adakah Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) berasaskan teori minimalis?

PK3.2: Adakah Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) berasakan teori beban kognitif?

PK4: Adakah terdapat hubungan antara Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) dengan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Seterusnya hipotesis kajian yang berkaitan dikemukakan sebagai asas pertimbangan kajian ini untuk menjawab persoalan keempat.

H_0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) dengan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid Pendidikan Seni Visual tingkatan 3 di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ha: Terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) dengan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid Pendidikan Seni Visual tingkatan 3 di sekolah.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN


Bahagian ini menjelaskan perkaitan antara beberapa pemboleh ubah kajian yang terlibat. Kerangka konsep seperti rajah dibawah merupakan asas kajian bagi pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Kerangka konsep ini dibina untuk mencapai objektif bagi tajuk Teknik Lukisan Digital dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3. MpTLD dibina berasaskan model ADDIE dan mengaplikasikan dua teori iaitu teori beban kognitif dan teori minimalis. Penggunaan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital ini boleh menjadikan murid lebih memahami dan menepati saranan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Penggunaan MpTLD ini kearah pembelajaran kendiri. Murid boleh mempelajari topik Teknik Lukisan Digital dengan sendiri. Modul ini adalah salah satu cara untuk membantu murid dalam memahami sesuatu subjek dengan lebih baik dan lebih berkesan. Pada bahagian pengenalan, murid atau pengguna akan mempelajari bagaimana cara untuk memuat naik perisian samada di telefon bimbit, di komputer atau di laptop. Semua murid samada yang lemah dan cemerlang berpeluang mengikuti pembelajaran PSV untuk tajuk Lukisan Digital dengan menggunakan modul MpTLD ini kerana modul ini dibina bermula dari cara memuat naik perisian hinggalah murid boleh melukis. Pembelajaran asas dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melukis lukisan digital telah diterapkan di dalam modul. Murid juga boleh menggunakannya dimana sahaja.

Elemen Teknologi Maklumat diterapkan di dalam DSKP Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 bagi mencapai objektif pembelajran. Guru boleh menggunakan MpTLD ini semasa sesi pembelajaran dan pemudahcara untuk menyampaikan ilmu kepada murid dan yang paling penting ialah, objektif tercapai. Dengan menggunakan modul ini, murid dapat menghasilkan satu karya menggunakan teknik lukisan digital. Secara tidak langsung murid dapat menghasilkan karya yang mempunyai nilai estetik, mengetahui sejarah seni lukisan digital dan secara tidak langsung berlakunya sesi apresiasi karya dalam pembelajaran di kelas.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 SKOP KAJIAN

Skop kajian melibatkan murid tingkatan 3 di SMK (P) Methodist Raub bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bagi tajuk Lukisan. Di dalam perkembangan sejarah seni lukisan tempatan, terdapat lima era perubahan Seni Lukisan tempatan. Di dalam era seni lukisan kontemporari, banyak karya yang dihasilkan berteraskan teknik campuran iaitu menggunakan media campuran, media baharu, teknik hibrid dan teknik lukisan digital selari dengan perubahan zaman globalisasi. Bagi mencapai objektif dalam tajuk lukisan ini, pengkaji akan menghasilkan modul untuk memudahkan PdP. Satu modul menggunakan perisian GIMP dihasilkan supaya murid dapat menghasilkan karya menggunakan teknik lukisan digital.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk menghasilkan Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital menggunakan perisian GIMP yang boleh diguna pakai oleh guru dan murid dalam sesi PdPc Tingkatan 3. Matlamat sebenar pendidikan yang berteraskan seni ialah bertujuan melahirkan seseorang individu itu supaya bersifat kreatif, inovatif, berimaginatif, berketerampilan serta menguasai teknologi dalam menghasilkan cita rasa dalam penciptaan. Hal ini selari dengan matlamat KSSM yang mahukan pembelajaran yang berpusatkan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini akan menjelaskan mengenai kepentingan kajian kepada pihak-pihak dan bidang yang berkepentingan. Penerangan merangkumi kepentingan untuk pihak (i) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), (ii) Guru Pendidikan Seni, dan (iii) Murid.

1.10.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Menyampaikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerapkan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam diri murid-murid di sekolah dalam pembelajaran abad ke-21. Penggunaan Teknologi dalam abad ini boleh menarik minat murid dan mempelbagaikan gaya pengajaran guru dalam menyampaikan ilmu kepada murid. Dengan itu dapat melahirkan murid yang lebih berpengetahuan, berkemahiran berfikir dan menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif.

1.10.2 Guru Pendidikan Seni

Hasil modul dapat digunakan oleh guru sebagai pemudahcaraan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik lukisan digital tingkatan tiga bagi menghasilkan karya lukisan digital. Selain itu, guru mampu menjadikan murid menghasilkan seni digital yang bermutu tinggi. Sesi pembelajaran Pendidikan Seni Visual juga akan menjadi lebih pantas, mudah dan berkesan. Selain itu juga guru boleh membawa kepada satu pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.3 Murid

Melahirkan murid yang berkemahiran dalam menggunakan teknologi dan perisian penyuntingan yang terkini serta boleh menterjemahkan dan meluahkan buah fikiran serta idea dengan yakin dan kreatif secara lisan mahupun secara bertulis. Murid juga boleh belajar sendiri menggunakan modul ini kerana modul ini secara berulang-ulang. Modul ini juga memberi peluang kepada murid yang lemah mendapat tahap yang tinggi dalam pentaksiran bilik darjah. Selain itu juga, MpTLD ini memudahkan murid untuk menghasilkan karya menggunakan teknik lukisan digital kerana perisian ini mudah didapati dan mudah dimuat turun ke komputer peribadi ataupun di telefon bimbit murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 BATASAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan dan menentusahkan keperluan penggunaan Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital menggunakan perisian GIMP dan gaya pembelajaran bagi murid sekolah menengah sekitar Raub. Oleh itu, kajian yang telah dijalankan berbentuk penyelidikan pembangunan yang membolehkan penyelidik melihat proses pembangunan pada masa yang sama.

Kajian yang dijalankan bertumpu kepada murid Tingkatan 3 sahaja di sekolah SMK (P) Methodist Raub. Dapatan kajian bergantung sepenuhnya kepada borang soal selidik respondan yang akan diedarkan kepada 62 orang murid Tingkatan 3 di sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SMK (P) Methodist Raub. Kajian ini tidak boleh dilakukan kepada seluruh sekolah yang mempunyai Pendidikan Seni Visual kerana kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan MpTLD di sebuah sekolah di daerah Raub dan limitasi yang lain adalah penggunaan responden kajian dengan jumlah murid yang kecil iaitu 62 orang. Kajian dan Kesahan dapatan bergantung pada kerjasama yang akan diberi semasa teknik pungutan data soal selidik dan tinjauan awal. Modul pembelajaran yang akan dibangunkan merangkumi aspek teknologi, model pembelajaran dan gaya pembelajaran murid berlandaskan kepada teori beban kognitif dan teori minimalis.

1.12 DEFINISI OPERASIONAL ISTILAH

Terdapat beberapa istilah atau konsep dalam kajian ini yang perlu ditakrifkan secara operasi. Definisi tersebut dijelaskan dalam sub bahagian yang berikut:

1.12.1 Penggunaan bahan bermodul

Menurut kamus teknologi maklumat (2019) modul bermaksud prototaip yang berfungsi untuk membuktikan suatu kaedah atau konsep dengan menggunakan input yang disimulasikan oleh modul pemacu dan stub. Dalam kajian ini, MpTLD dihasilkan untuk kegunaan guru dan murid semasa PdP tajuk Lukisan Digital bagi memudahkan sesi pembelajaran berjalan dengan lancar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12.2 Perisian GIMP

Menurut Violetta Budak (2015) GIMP (The GNU Image Manipulation Program) ialah sebuah perisian penyunting grafik yang digunakan untuk penyuntingan dalam grafik digital dan foto. Perisian ini percuma dan hanya perlu dimuat turun di Internet dan boleh digunakan untuk kegunaan semua lapisan masyarakat. Dalam kajian ini, perisian GIMP diberi pendedahan kepada murid Tingkatan 3 dalam mata pelajaran PSV untuk menghasilkan karya menggunakan teknik lukisan digital.

1.12.3 Lukisan Digital

Lukisan digital bermaksud sebagai suatu yang bersifat visual yang dihasilkan oleh seniman seni dengan bantuan komputer. Kaedah komputer menggunakan nombor untuk menterjemah dan merekod maklumat. Sebagai contoh, semasa pereka grafik mengambil gambar manusia dengan menggunakan kamera digital, satu kod menggunakan komputer telah dibina sehingga menghasilkan gambar yang lebih menarik berbanding gambar yang asal. Pereka grafik juga boleh menukar gambar asal menampakkan seperti gambar manusia yang lain atau menampakkan seperti gambar pokok. (Ron Miller et al., 2008, p. 12-13).

1.13 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab ini memberi gambaran tentang tujuan kajian dilakukan. Beberapa komponen penting dalam kajian turut dibincangkan seperti pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian, latar belakang kajian, objektif, persoalan kajian, kerangka konseptual, skop kajian dan kepentingan kajian serta definisi operasional kajian yang terlibat. Kerangka konseptual kajian ini diterokai untuk melihat kebolehgunaan MpTLD berdasarkan penggunaan teori minimalis dan teori beban kognitif dalam pembinaan modul. Pembinaan MpTLD ini dibina dengan mengambil kira pembelajaran kendiri serta menggunakan pedagogi yang bersesuaian untuk memupuk minat murid dalam mempelajari teknik menghasilkan lukisan digital. Kajian ini sangat penting seiring dengan persekitaran revolusi pendidikan 4.0 yang melibatkan penggunaan digital dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Selanjutnya, penerangan dengan lebih terperinci mengenai teori-teori pembelajaran yang digunakan, konsep, pendekatan PdP berdasarkan kajian-kajian terdahulu dijelaskan dalam Bab II.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan pembinaan MpTLD murid Tingkatan 3. Kajian yang lebih mendalam dilakukan oleh pengkaji kepada penulisan-penulisan yang terdahulu yang berkaitan dengan kajian. Tujuannya adalah untuk mencari bukti kukuh bagi menyokong kajian yang sedang dilakukan samada terdapat persamaan atau perbezaan. Antara aspek yang dibincangkan dalam bab ini ialah (i) perlaksanaan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 sebagai subjek wajib dalam KSSM, (ii) (ii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul, (iii) penggunaan perisian GIMP sebagai modul pembelajaran dalam Teknik Lukisan Digital (MpTLD), (iv) teori-teori pembelajaran, (v) pendekatan, strategi dan perkaedahan pengajaran dan pemudahcara (PdPc) dan (vi) model reka bentuk pengajaran yang digunakan dan (vii) rumusan.

Dalam kajian ini, strategi Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) ialah tugasan yang kompleks, berasaskan masalah, soalan-soalan yang mencabar yang melibatkan murid dalam aktiviti mereka bentuk, menyelesaikan masalah, membuat keputusan atau aktiviti-aktiviti yang melibatkan murid untuk menyiasat (Faridah Salam, Ramlah Mailok & Norhasbiah Ubaidullah, 2015). Klimaks kepada pelaksanaan PBP adalah produk, pembentangan oleh murid dan penyampaian idea. Pendekatan tersebut boleh diaplikasikan kepada pelbagai tahap murid namun perlu disesuaikan dengan tahap mereka (Thomas, 2000). Kajian ini dilaksanakan berpandukan kepada jurnal-jurnal ilimiah yang berindeks dan berimpaks, laman web, artikel serta buku.

2.2 PERLAKSANAAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan mata pelajaran wajib di sekolah menengah rendah iaitu dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 manakala sebagai mata pelajaran elektif bagi menengah atas iaitu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2015). Menurut buku panduan pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual, murid Tingkatan 3 akan menghadapi Pentaksiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tingkatan 3 (PT3) pada akhir tahun dan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi telah diserapkan dalam tugasan yang akan diberikan kepada murid. Pentaksiran ini juga berlaku pada murid di tingkatan 1 dan 2. Guru perlu mengikut matlamat, objektif dan kandungan mata pelajaran PSV seperti yang telah diberikan oleh KPM.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah adalah berpusatkan kepada murid. Mata pelajaran ini telah dapat membuka peluang kepada murid untuk lebih berimaginasi, kreatif dan dapat mencungkil bakat supaya dapat mencapai ke tahap yang paling tinggi dalam proses untuk menghasilkan hasil karya (Nurul Ain, Md Nasir & Abd Manaf, 2019). Dalam Dokumen Standard Kandungan Pendidikan Seni Visual, (KPM) menyatakan guru perlu memilih cara yang sesuai untuk menyampaikan pembelajaran di dalam kelas. Guru perlu melihat kesediaan murid dari segi kemampuan, kebolehan dan pengalaman murid. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disarankan oleh KPM antaranya ialah yang menarik minat murid seperti Discipline Based Art Education (DBAE), pembelajaran berorientasikan studio, aktiviti bekumpulan, bekerjasama, koperatif, tunjuk cara, penyelesaian masalah, peniruan dan ekspresi diri (Dokumen Standard Kandungan Pendidikan Seni Visual, 2016).

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual pada masa kini perlulah mengikut peredaran masa global supaya ilmu yang terdapat didalamnya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid dan supaya dapat memberi pendedahan terhadap keperluan seni dalam kehidupan mereka seharian. Sukatan mata pelajaran PSV juga perlu digubal semula selaras dengan kehendak KPM dan keperluan arus kemodenan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemajuan yang menitikberatkan kepada penggunaan teknologi masa kini (Hassan, 2003). Pembelajaran menjadi sesuatu yang lebih bermakna dan bermotivasi apabila murid-murid ini dapat menghasilkan produk mereka sendiri (Baytak, Land & Smith, 2011). Kenyataan ini seiring dengan anjakan ketujuh dalam sebelas anjakan untuk transformasi sistem pendidikan sekolah. Smolucha (1997) dalam penulisannya berjudul 'The Visual Art Companion' menjelaskan bahawa komunikasi visual merujuk kepada banyak cabang seni halus. Komunikasi visual merupakan aktiviti yang melibatkan kombinasi tipografi, ilustrasi, fotografi, penerbitan, pencetakan dan informasi. Dengan perkembangan pesat teknologi kini, seni moden seperti seni reka grafik, multimedia dan komunikasi visual adalah sangat penting.

Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 di bawah tajuk lukisan telah membuka mata semua bahawa penggunaan teknologi dalam PSV berjalan seiring dengan peredaran masa. Begitu juga dengan lukisan yang berubah mengikut peredaran zaman. Sejarah lukisan bermula sebelum dunia perang kedua lagi. Pada era 1960-an, pelukis pada zaman itu telah membawa pengaruh Barat dengan aliran abstrak ekspresionisme. Berlaku perubahan ke arah seni tradisi yang lebih mencerminkan identiti nasional pada era 1970-an. Pada era ini pelukis masih mengekalkan gaya seni moden Barat. Lukisan berkembang lagi pada era 1980-an dengan hasil karya seni berkonsepkan Islam. Pada era 1990-an pelukis menghasilkan karya dengan menggunakan kepelbagaian stail, pendekatan dan makna. Era ini telah dikenali sebagai era pluralis (Harleny et al., 2018, p. 23). Seni lukisan terus berkembang selaras dengan penerimaan teknologi pada Era Seni Kontemporari. Dengan itu, karya seni tampak tidak lagi terhad kepada penggunaan media, alatan dan teknik konvensional sahaja. Pelukis lebih berani menggunakan aplikasi media digital dalam menzahirkan idea

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi menghasilkan karya seni kontemporari melalui media campuran , media baharu, teknik hibrid dan teknik lukisan digital (Harleny et al., 2018, p. 23).

Penghayatan terhadap karya seni lukisan dapat menjadikan seseorang itu mendekatkan diri mengenali identiti budaya masyarakat. Murid perlu menghayati hasil karya seni lukisan kerana ia adalah antara sebahagian hasil karya kebudayaan bangsa di Malaysia. Lukisan telah dikenali dari zaman tamadun Mesir Purba lagi dimana bukti lukisan telah dijumpai pada dinding-dinding gua dan telah menjadi sumber sejarah yang sangat bernilai. Oleh itu lukisan sangat memberi makna kepada masyarakat kerana dengan lukisan boleh menceritakan atau menterjemahkan apa yang tersirat di dalamnya kerana terdapat sebuah cerita atau kisah (Harleny et al., 2018, p. 21). Teknik lukisan digital lebih praktikal dan lebih murah berbanding menggunakan teknik konvensional. Ilustrasi yang tercipta melalui teknik lukisan digital adalah secara keseluruhannya menggunakan peralatan komputer dan perisian reka bentuk seperti Adobe Photoshop dan Adobe Ilustrator. Teknik ini mula digunakan secara meluas kerana boleh menghasilkan hasil karya yang berilustrasi dengan baik dan selaras dengan hasil karya yang dihasilkan secara manual ataupun secara teknik konvensional (Aaron Skonnart, 2017).

2.3 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN MODUL

Pembelajaran bermodul (PB) merupakan satu kaedah pembelajaran dan pemudahcara yang sangat sesuai dan boleh digunakan oleh guru di dalam kelas untuk memastikan murid dapat mencapai dan menguasai objektif pembelajaran dengan lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baik (Noraffandy dan Nur Fazila, 2011). Bahagian ini menjelaskan tentang (i) konsep modul, (ii) ciri-ciri modul yang baik dan (iii) pembinaan modul pembelajaran.

2.3.1 Konsep Modul Pembelajaran

Berdasarkan daripada kajian yang telah ditulis oleh Nor Aizal Akmal (2015), menyatakan cara lain untuk menyampaikan pembelajaran di dalam kelas ialah dengan menggunakan modul sebagai alat bantu mengajar guru dalam memberikan PdP yang menyeronokkan, menarik dan menjadikan murid lebih kreatif, aktif berfikir dan aktif bergerak. Penggunaan modul sebagai alat dan strategi dalam pengajaran dapat memudahkan murid untuk belajar dan melancarkan penyampaian guru di dalam kelas. Modul yang direka boleh meningkatkan kefahaman murid dalam pembelajarannya berdasarkan pengukuran objektif pembelajaran topik yang telah disediakan. Modul yang dihasilkan mestilah mempunyai isi kandungan yang disusun mengikut silibus dan aktiviti yang dijalankan mestilah menarik supaya sesi pembelajaran yang dijalankan lebih berkesan dalam merealisasikan objektif pembelajaran dapat dicapai (Mohd Miza Shahril & Norasyikin, 2008).

Pembinaan modul reka bentuk pengajaran yang akan dihasilkan perlu menitikberatkan beberapa aspek seperti yang telah ditulis dalam buku yang bertajuk Reka bentuk Perisian Multimedia oleh Baharuddin et. al (2002) iaitu:

i. model reka bentuk pengajaran hendaklah dibina supaya dapat menambahkan kecekapan pengajaran,
ii. menambahkan keberkesanan pengajaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. memastikan murid minat mempelajari pelajaran yang disampaikan,

iv. memastikan proses pembelajaran dan pembelajaran dilakukan secara kos efektif,

v. mengandungi kandungan pembelajaran menepati objektif yang di ingini,

vi. memastikan pembelajaran boleh diaplikasikan kepada semua senario yang berpadanan,

vii. memastikan pelajaran yang dirancang dapat disampaikan dalam masa yang diperuntukkan.

Shaharudin Md Salleh dan Fatimah Abu Raihah (2011) menyatakan bahawa selain mendengar pengajaran yang disampaikan oleh guru, murid juga boleh menggunakan modul pembelajaran sebagai bahan rujukan dan panduan yang bersistematik dan terancang dalam usaha untuk meningkatkan proses pembelajaran dan sebagai bahan ulangkaji selepas kelas tamat

2.3.2 Ciri-ciri modul yang baik

Modul yang baik mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh memberi impak positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Nor Syazwani, 2017; Abd.Rahman 2005). Menurut Yusup dan Razmah (1993), ciri-ciri modul yang baik antaranya adalah (i) dibentuk dengan tujuan untuk memudahkan pembelajaran kendiri, (ii) disusun dengan pelbagai cara untuk memudahkan pembelajaran anjal serta memberi keberkesanan kepada murid agar dapat belajar mengikut masa, keselesaaan dan kecepatan masing-masing, (iii) boleh menggunakan media campuran dan iv) memberi peluang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada murid belajar secara berkumpulan dengan aktiviti-aktiviti yang telah ditentukan.

Menurut Siddiqi (2002) pula, antara ciri-ciri modul yang berkesan ialah (i) kandungan lengkap, (ii) arahan kendiri, (iii) mengambil kira perbezaan individu, (iv) pernyataan objektif, (v) penggunaan pelbagai media dan kaedah, vi) maklumat mengenai kemajuan pelajar, (vii) penyertaan pelajar aktif dan viii) strategi penilaian penguasaan.

Modul boleh disesuaikan dengan perbezaan ciri-ciri personaliti murid. Melalui penggunaan modul yang baik, murid akan mendapat faedah yang sangat banyak dengan menggunakan modul dan dapat menerapkan nilai murni dalam kalangan murid di sekolah (Jamaludin Ahmad, 2002). Selain daripada itu, penggunaan modul kendiri memberi kemudahan akses dari segi masa, format dan kandungan bagi meningkatkan motivasi dan minat belajar murid dengan mengambil kira kepelbagaian gaya belajar mereka. Keperluan utama dalam modul pembelajaran kendiri adalah boleh menyatakan hasil pembelajaran yang hendak dicapai dan dapat membantu murid belajar dari aktiviti pembelajaran yang mudah kepada yang sukar. Pembinaan modul yang baik adalah modul yang mempunyai isi kandungan dan pelajaran yang dirancang dan disusun dengan sistematik. Modul yang baik berkeupayaan membolehkan guru berperanan sebagai pembimbing dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan akhir sekali modul membolehkan guru mendapat maklum balas terhadap pencapaian murid (Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin, 1991 dalam M. Kaviza, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Koh Boh Boon (1981), telah menyenaraikan kelebihan yang terdapat pada modul adalah seperti (i) isi pelajaran yang dirancang dan disusun menjamin murid mencapai objektif yang telah ditetapkan, pengajaran lebih berkesan kerana penyelidikan telah membuktikan dengan menggunakan modul, (ii) sesuatu objektif pendidikan dapat dicapai dalam masa yang agak singkat, (iii) guru tidak banyak melibatkan diri tetapi hanya memberikan pengenalan terhadap bahan baru dan (iv) guru hanya perlu mendapat maklum balas dengan membandingkan keputusan ujian sebelum pembelajaran dan keputusan ujian selepas pembelajaran yang diperolehi setiap murid. Guru menyediakan modul mengikut objektif dan silibus pembelajaran yang dijadikan sebagai panduan dalam PdPc dan boleh digunakan oleh murid untuk pembelajaran kendiri. (Jamaludin Ahmad, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul pembelajaran individu yang menawarkan pelbagai jenis kursus untuk program-program berbentuk latihan dan kursus adalah amat berkesan kerana modul ini dapat dikendalikan dengan mudah oleh individu. Modul individu ini dapat dikendalikan dengan mudah tanpa guru selain dapat menjadikan murid lebih bermotivasi, menarik minat murid untuk belajar, memudahkan guru dan menggalakkan murid terlibat dengan pelbagai aktiviti yang disarankan (Martin, 1981). Kesemua ciri-ciri yang disarankan ini dijadikan panduan dalam membina sepenuhnya modul pembelajaran kendiri perisian sumber terbuka, GIMP.

2.3.3 Pembinaan Modul Perisian Sumber Terbuka GIMP

Perisian sumber terbuka bermaksud, perisian percuma yang boleh didapati, digunakan, dipelajari, diubah, disalin dan diedarkan tanpa batasan atau sekatan. Perisian terbuka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi manfaat kepada pengguna komputer dan bebas untuk memuat turun secara percuma. Perisian percuma ini membolehkan sesiapa sahaja untuk membuat pengubahsuaian perisian dan mengarahkannya ke sistem operasi yang baru (Violetta Budak, 2015).


Dalam kajian ini, penggunaan perisian sumber terbuka Program Manipulasi imej GNU (GIMP) diketengahkan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, bagi tajuk Lukisan Digital. GIMP ini digunakan untuk mendapatkan lukisan garisan yang tepat dan terperinci pada resolosi yang tinggi, garisan raster yang muncul sebagai lukisan daripada dakwat yang berbentuk realistik lebih cepat membuat ilustrasi. Teknik ini boleh digunakan oleh semua individu kerana perisian GIMP ini sememangnya percuma dan tidak menggunakan perisian yang mahal dan tidak berlesen serta boleh digunakan dengan sistem operasi yang berlainan (Giuseppe, 2015).

GIMP Retinex adalah salah satu output penapis yang juga terdapat dalam perisian GIMP dan digunakan untuk memerhati butiran dalam bayang-bayang pemindaian mikroskop elektron dan meningkatkan penampilan visual imej apabila pencahayaan tidak baik. GIMP mudah diselaraskan dengan memilih tahap, skala dan dinamik yang digunakan untuk membantu bagi mengubah emej perubatan dan biologi (Amelia Carolina, 2015). Tesis dari luar negara banyak digunakan pada kajian sains seperti melihat mikroorganisma kecil yang terdapat pada tulang arnab (T Schonberger, P Kasten, K Fechner Np Sudkamp,S Pearce S, P Niemeyer, 2009), menggunakan penapisan retinax untuk melihat dengan lebih jelas gambar yang dalam keadaan berkabus tebal (Sparavigna, 2015) dan (Sparavigna, 2020) menyatakan tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan kanta GIMP Retinax yang boleh membantu dalam penyiasatan melihat pergerakan bukit pasir sama seperti yang dikesan oleh gambar dari satelit. Perisian GIMP ini mampu menghasilkan hasil karya lukisan digital yang baik dan sangat mudah dimuat turun oleh murid sekolah. Rajah 2.1 di bawah menunjukkan antara muka bagi GIMP Versi 2.10



Rajah 2.1 Muka depan perisian GIMP

2.4 TEORI-TEORI PEMBELAJARAN

Menurut Stanovich (1992), mendefinisikan teori digunakan untuk menjelaskan perkara yang berkait tentang sesuatu konsep dalam kajian yang digunakan untuk menerangkan data atau untuk memberikan keputusan tentang hal kajian penyelidik pada masa akan datang. Dalam erti kata lain, kita boleh maksudkan teori sebagai andaian ataupun hipotesis tentang sesuatu yang menyokong kajian yang dilakukan. Menurut Ahmad Johari Sihes (2002), teori pembelajaran bermaksud hasil dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada ahli-ahli ilmuan psikologi pendidikan tentang proses-proses kenapa berlakunya pembelajaran dan pengaruhnya kepada manusia di sekitarnya.

Dalam kajian Gagne (dipetik dalam Zainuddin Ibrahim, 2017) telah mendefinisikan pembelajaran sebagai proses yang mendewasakan murid yang boleh berlakunya perubahan tingkah laku dan tumbesaran secara menyeluruh dan kekal. Menurut Ahmad Johari Sihes (2010), pembelajaran juga menyebabkan seseorang individu menjalani satu proses perubahan tingkah laku yang baru dan kekal. Pembelajaran juga turut berlaku dalam secara langsung dan tidak langsung daripada pengalaman seorang individu yang berinteraksi dalam lingkungan rakan-rakan seni, bersosial dengan rakan seni menjadikan individu beremosi dan mengalami perubahan sikap dan melaluinya akan dapat memupuk nilai keindahan atau estetik dan kesenian dalam diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam psikologi kemanusiaan, pembelajaran ialah proses dimana seseorang manusia atau individu dapat mencari kesempurnaan dan penilaian diri sendiri. Guru perlu memberikan pengajaran yang dapat menarik minat murid dalam kelas supaya dapat mencapai kesempurnaan dalam menjadikan suasana di kelas menyeronokkan dan objektif dapat dicapai sepenuhnya. Guru perlu mahir dalam menyampaikan satu-satu tajuk dan perlu berusaha menjadikan sesi pembelajaran dalam kelas lebih bermakna dan murid dapat mempelajari isi kandungan mata pelajaran PSV. Beberapa ahli psikologi telah menyatakan bahawa hasil daripada pembelajaran yang berlaku akan menghasilkan beberapa teori. Dua teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori kognitif dan teori minimalis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Teori Beban Kognitif

Teori beban kognitif adalah teori psikologi yang bertujuan untuk menganggar jumlah belajar dengan melihat kepada kebolehan dan batasan dari segi pemikiran manusia (Plass, Moreno, & Sweller, 2010). Teori ini menjelaskan perbezaan antara keperluan tugas dan kemampuan seseorang (Moray, 1979). Teori Beban Kognitif (Sweller,1988), mencadangkan supaya pembelajaran yang berlaku mestilah selari dengan reka bentuk pemikiran kognitif individu.

Menurut Sweller (1998), Teori Beban Kognitif (Cognitive Load Theory) Menyatakan proses pembelajaran perlulah berada searas dengan reka bentuk kognitif untuk mendapatkan keberkesanan dalam pembelajaran yang berlaku. Melalui teori ini, pengkaji mendapati yang ingatan jangka masa pendek (short term memory) digunakan dalam sesi pembelajaran adalah sangat terhad. Disebabkan murid tidak boleh menyimpan ingatan terlalu lama, menyebabkan murid hanya menerima maklumat yang sedikit, maka sebuah modul akan dihasilkan bagi mengurangkan beban kognitif yang dapat membantu murid untuk mendapatkan pembelajaran yang paling optimum dalam sesi pembelajaran (Yusniza, Ming Foong, Chee Sern, 2016).

Pembelajaran terarah dalam bidang reka bentuk seperti modul sangat sesuai menggunakan Teori Beban Kognitif. Setelah murid dapat mempraktikkan modul dalam sesi pembelajaran, mereka tidak lagi memerlukan perancah selanjutnya danpedagogi yang berkesan boleh memberi murid contoh kitaran kerja, masalah penyelesaian dan masalah (Sweller, 2010). Menurut Sweller (1998) lagi, dalam mereka bentuk bahan pembelajaran, beban kognitif yang muncul semasa sesi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran berlaku boleh diminimakan supaya proses pembelajaran menjadi lebih berkesan. Selain dari itu, teori beban kognitif beranggapan kegagalan dalam pembelajaran diakibatkan oleh maklumat yang disampaikan tidak distrukturkan atau disusun secara betul dan efektif (Ahmad Zamzuri mohamad Ali et al., 2018).

Berdasarkan Sweller (2002), beberapa kesan dalam pengajaran yang berpunca daripada teori beban kognitif dapat dikesan dan dibincangkan dalam kajian weller (2002) antaranya ialah:

i. Kesan perhatian terasing (Split-Attention Effect) - penerangan dalam bentuk teks diasingkan daripada grafik.
ii. Kesan modaliti (Modality Effect)- ingatan jangka pendek mengambil tindakan dengan menggunakan modaliti visual dan auditori.
iii. Kesan ulangan (Redundancy Effect) - kesan daripada maklumat yang dapat secara berulang dipersembahkan dalam bentuk teks dan grafik. Maklumat yang sama tetapi jenis yang berlainan hanya menambahkan lagi beban kognitif murid apabila murid perlu mentafsir maklumat. Kesan-kesan daripada asas reka bentuk multimedia juga dibincangkan dalam kajian Mayer dan Moreno (2002) yang menyatakan terdapat 3 proses yang terlibat dalam multimedia. Yang pertama ialah maklumat verbal daripada teks dan maklumat visual yang diproses melalui imej, yang kedua ialah maklumat daripada teks dan imej yang diorganisasikan dan diaplikasikan dalam konsep pembelajaran dan yang ketiga ialah penggabungan yang mana murid membina kaitan antara dua asas ini.

Sebuah modul yang mengurangkan beban kognitif yang dapat membantu murid dalam sesi pembelajaran akan dibina bagi membantu murid yang mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daya ingatan jangka pendek yang menyebabkan murid hanya menerima maklumat yang sangat terhad. Pembinaan modul ini mengambil kira untuk mengurangkan beban kognitif murid dimana modul yang akan dihasilkan tidak menggabungkan teks dan grafik dimana rajah dan arahan yang akan digunakan dalam modul diasingkan dan murid tidak perlu membacanya secara berulangan. Melalui modul yang direka berdasarkan teori beban kognitif, murid dapat menjalankan aktiviti bagi mencapai objektif dalam menghasilkan Lukisan Digital menggunakan teknik Lukisan Digital dengan menggunakan MpTLD.

2.4.2 Teori Minimalis

Teori yang diperkenalkan oleh J.M Carroll pada tahun 1990. Dalam merangka kerja untuk membina reka bentuk pengajaran latihan yang menggunakan komputer, aplikasi pemprosesan data serta pengaturcaraan teori minimalis merupakan teori yang sangat sesuai digunakan. Amatlah penting semasa proses pembelajaran berlaku, murid dapat membina pengalaman hasil daripada pembelajaran kendiri. MpTLD yang dibina berdasarkan pembelajaran kendiri dan telah mengaplikasikan teori minimal.

Dalam MpTLD yang direka telah disediakan nota, tutorial dan latihan pengukuhan dengan cara menyusun semua arahan aktiviti dengan secara satu persatu dan tidak hanya menceritakan di dalam bentuk karangan ataupun perenggan. Kandungan teks distrukturkan dengan menyenaraikan setiap demi satu langkah-langkah mengenai tutorial serta soalan yang jelas mengenai latihan pengukuhan. Murid juga bebas ke mana-mana bahagian dalam modul tanpa perlu menghabiskan bacaan pada satu-satu bab terlebih dahulu. Murid yang lemah boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca secara berulang kali supaya lebih faham dan boleh buat (Aliff Nawi et., 2017). Menurut Fkrudin & Ammar (2018), teori minimalis diaplikasikan dalam modul bagi memudahkan dan mempercepatkan sesi pembelajaran dan kefahaman murid kerana murid juga bebas dalam menggunakan atau memulakan sesi pembelajaran secepat mungkin tanpa perlu megikut turutan bab.

Teori minimalis ini sangat sesuai digabungkan dengan teori beban kognitif kerana guru dapat meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah dan murid dapat meningkatkan kemahiran dalam menghasilkan karya teknik lukisan digital dan memudahkan murid mengingati apa yang telah di ajar oleh guru kerana lebih fleksibel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 PENDEKATAN STRATEGI DAN PERKAEDAHAN

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), murid perlulah dapat menyelesaikan masalah mereka sendiri kerana kaedah penyelesaian masalah telah diterapkan dalam kelas sewaktu sesi pembelajaran sedang dijalankan. Kegiatan secara projek dan aktiviti berkumpulan dijalankan secara kolaboratif yang berpusatkan kepada murid untuk murid dapat menyelesaikan masalah sendiri secara perbincangan. Teknologi perlu diaplikasikan dalam pedagogi dan guru perlulah mempelbagaikan kaedah pengajaran serta dapat menyediakan aktiviti yang berpusatkan kepada murid walaupun dalam bilangan yang besar. Guru juga haruslah menggunakan masa yang diperuntukkan dengan sebaik mungkin dan tidak perlu menambah masa bilangan mengajar. Pengetahuan teknologi perlu diterapkan dalam pedagogi yang menjadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu pengajaran lebih berkesan dan efektif (Azlina, 2017). Antara kaedah yang digunakan adalah menggunakan modul berasaskan projek. Guru perlulah menjadi sebagai ketua atau fasilitator yang memberi panduan kepada murid dalam menyelesaikan sesuatu masalah pada peringkat awal aktiviti atau dalam melakukan sesuatu projek.

2.5.1 Pembelajaran Berbantukan Komputer

Pembelajaran berbantukan komputer sangat popular pada masa kini. Perkembangan komputer pada masa kini bermula dari Barat dan para pendidik sangat peka terhadap perkembangan penggunaan komputer dan kemajuannya dalam bidang pendidikan (Auzar, 2012). Belajar menggunakan komputer bukan sahaja membantu guru dalam Pdpc untuk mencapai objektif dalam pedagoginya tetapi telah memberi peluang kepada murid untuk belajar sesuatu pembelajaran yang baharu (Nurul Ihsanih & Abu Bakar, 2020). Selain itu juga, penggunaan teknologi seperti komputer menyebabkan peningkatan positif kepada sikap murid dan mempercayai kebolehan murid terutamanya kepada murid yang lemah (Adibah, E'zzatul & Zarina, 2020). Penggunaan alatan teknologi tinggi seperti komputer, telefon pintar, kamera digital telah digunakan dalam bidang pendidikan pada era teknologi masa kini dan guru bukan sahaja hanya menggunakan kaedah buku teks yang bersifat konventional dan hanya menggunakan alat tulis dalam menyampaikan pengajaran mereka (Abd Hakim, 2018). Guru perlu lebih yakin untuk mengunakan teknologi supaya strategi dalam pengajaran menjadi lebih efisien dan dinamik serta menjadi seorang guru yang sentiasa berkemahiran, berpengetahuan serta bersedia untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang bagi memperkasakan pedagogi abad ke -21 (Nalini,Norazah, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan teknologi terkini seperti komputer yang digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat menghasilkan murid yang berjaya kerana guru dapat menyediakan medium pengajaran yang menarik minat murid, berinteraktif, boleh digunakan dimana sahaja dan boleh digunakan secara realiti.

Perry (2018) menyatakan dalam kajian beliau bahawa guru yang gagal dalam mengaplikasikan teknologi dalam sesi pembelajaran dan gagal membuat persediaan berasaskan teknologi, telah mengundang masalah pencapaian murid yang rendah dan memberi kesan kepada keputusan peperiksaan murid. Banyak modul telah dibina di alam maya supaya murid boleh merujuk dan berkebolehan untuk belajar menerima arahan secara kendiri. Justeru itu, murid hanya perlu mahir dalam menggunakan komputer dan dalam berkomunikasi secara interpersonal (Zahiah & Abdul Razak, 2010)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Banyak perisian pendidikan telah diperkenalkan dalam bidang pendidikan menggunakan komputer sekitar tahun 60-an dan 70-an lagi. Perisian pendidikan telah banyak diperkenalkan sehingga kini bagi membantu guru dalam mencapai tahap yang tinggi dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Perisian ini telah banyak digunakan sebagai alat bantu mengajar yang telah memberi kesan yang positif kepada pencapaian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 STRATEGI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pembelajaran berasaskan projek semakin disokong oleh teknologi komputer dan telah menyumbang untuk memupuk murid ke arah pembelajaran dan menyelesaikan masalah dalam persekitaran dunia sebenar serta berguna untuk membina kemahiran berfikir yang tinggi daripada pemikiran kritikal (Barak dan Dori 2005; Roschella et al., 2000). Terdapat pelbagai maksud pembelajaran yang telah digunakan oleh Institusi Pendidikan Serata dunia dan pengkaji-pengkaji, antaranya ialah Buck Institute for Education (BIE) 2017, yang mendefinisikan Pembelajaran Berasaskan Projek sebagai satu kaedah yang perlu semua guru aplikasikan dalam kelas mengajar yang bersistematik, dapat menghubungkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui perkembangan proses inkuiri berstruktur, autentik serta reka bentuk tugas dan produk. Sementara itu Edutopia (2016) pula menggambarkan Pembelajaran Berasaskan Projek memerlukan murid meneroka masalah dunia sebenar dengan aktif yang boleh digunakan dalam bilik darjah.

Pembelajaran berasakan projek (PBP) merupakan suatu kaedah yang dapat membuatkan murid dapat membina kemahiran melalui aktiviti menggunakan komputer, aktiviti berkumpulan dan *hand-on.* Melalui PBP murid dapat menjelmakan sikap ingin tahu melalui pembelajaran yang sebenar atau *authentic learning* (Isa et. al., 2013) dalam (Azlina, 2017). Selain itu, kajian oleh Wan Nasriha (2014) pada murid Tingkatan 4 di sebuah sekolah yang menggunakan modul pengajaran PBP mendapati bahawa modul tersebut merupakan kaedah yang dapat meningkatkan kejayaan murid dalam peperiksaan dan penilaian. PBP dapat mengajar murid bagaimana cara untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyelesaikan masalah dengan secara bekerjasama yang menggabungkan elemen kemahiran berkomunikasi yang amat penting dalam dunia organisasi global masa kini, supaya menjadi lebih kreatif. Oleh itu, beberapa kemahiran perlu digabungan dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran aktif iaitu kaedah pengajaran koperatif, kolaboratif dan kemahiran pembelajaran kendiri murid (Norhidayah , Mohd Hanif, Halizah, 2019).

Pembangunan modul berasaskan projek sangat sesuai dijadikan aktiviti pembelajaran altenatif kerana mampu menjadikan murid aktif di dalam kelas melalui pendekatan konstruvtivisme sosial yang diterapkan. Murid mampu membina pengetahuan dan kefahaman melalui interaksi yang berlaku, perbincangan bersama ahli kumpulan, pembentukan kemahiran semasa aktiviti dijalankan (Mohd Afifi Baharuddin, 2010). Dalam kajian ini pengkaji mengaplikasikan pembelajaran berasakan projek dalam tajuk Teknik Lukisan Digital yang menggunakan MpTLD yang menggunakan perisian yang percuma dan hanya perlu dimuat turun di Internet.

2.7 PERKAEDAHAN DALAM PEMBELAJARAN

Perbezaan gaya pembelajaran murid masih memerlukan pelbagai pendekatan dalam PdPc. Pengajaran dan pembelajaran akan menjadi satu kaedah yang paling penting memandangkan pada senario abad ke 21 ini murid belajar menggunakan komputer dengan begitu meluas. Prinsip ‘mastery learning’ diterapkan dalam PdPc di sekolah yang mana murid boleh belajar tanpa mengikut kemampuan masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru perlulah menggunakan kaedah pembelajaran yang berbeza dalam menyampaikan ilmu kepada murid, guru juga perlu memupuk kerohanian dan membentuk sikap yang baik untuk memperoleh pencapaian akademik yang baik. Penerimaan murid dengan kaedah yang digunakan oleh guru dapat dilihat pada keputusan peperiksaan atau pencapaian mereka dalam ujian yang dilakukan oleh guru selepas habis pengajaran. Walaubagaimanapun akan ada murid yang menghadapi masalah dan kesukaran dalam menerima kaedah yang digunakan dalam pembelajaran. Masalah guru apabila menghadapi kesukaran menentukan kaedah yang tepat dalam menyampaian pelajaran dan dengan itu guru perlu berhati-hati dalam membuat pemilihan menentukan kaedah pembelajaran supaya objektif pembelajaran dapat dicapai dan murid dapat menerima pembelajaran (Nur Fazirah Rahim & Siti Nur Diyana Mahmud 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pihak sekolah dan guru mempunyai peranan dalam membantu murid menyelesaikan masalah akademik. Oleh sebab itu, pelbagai langkah dan kaedah yang sesuai dijalankan supaya murid memperoleh kecemerlangan dari segi akademik. Kecemerlangan dalam akademik dapat membantu murid mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam dan mencapai keputusan yang membanggakan dan sekaligus memupuk sikap yang positif dalam diri murid-murid. Sungguhpun begitu, semuanya akan bermula dari diri murid. Selain itu, peranan guru dalam kelas juga akan dapat membantu murid memperoleh kefahaman yang sepatutnya dengan sokongan daripada pihak sekolah (Sujirah & Zuraidah, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 Pengajaran dan Pembelajaran menggunakan modul

Dengan menggunakan modul, murid dapat melaksanakan pembelajaran yang sama dengan mengikut setiap langkah yang disenaraikan dalam modul tersebut dengan cara sendiri dan mereka boleh membaca langkah yang tidak difahami secara berulangan sehingga mereka betul-betul memahaminya. Murid tidak mempunyai masa yang terhad untuk menggunakan modul dalam memahami isi-isi kandungan serta langkah yang disenaraikan (Nor Syazwani, 2017). Selain daripada itu, murid yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza dapat belajar mengikut kemampuan dan murid yang mendapat pencapaian rendah dan perlahan dapatmenggunakan modul dan belajar dengan baik kerana mereka boleh menggunakan banyak masa pada bahagian yang kurang difahami dan tidak perlu mengejar murid lain yang dapat menghabiskan sesuatu topik dengan lebih cepat (Moreno, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebaikan modul ialah apabila dapat menyediakan platform pembelajaran kendiri serta jadual pembelajaran yang sesuai dengan murid. Pembelajaran kendiri melalui penggunaan modul adalah lebih baik berbandingg kaedah tradisional, kerana melalui penggunaan modul ini murid dapat mengawal sendiri pembelajaran berdasarkan kepada kemampuan dan kesesuaian mereka sendiri (Ahmad Zamzuri et. al., 2018). Murid dibenarkan menggunakan modul ini walaupun selepas pulang dari sekolah dimana murid boleh menggunakan modul ini dimana sahaja kerana modul itu boleh dibawa pulang bersama.

Modul yang disediakan dapat menjimatkan masa guru untuk membuat rancangan pengajaran harian dan masa yang dijimatkan itu dapat digunakan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyemak hasil kerja murid. Guru juga mempunyai banyak masa untuk memantau dan melihat proses pembelajaran semasa murid mengaplikasikan penggunaan modul di dalam kelas. Guru juga mempunyai lebih masa untuk menenalpasti masalah dan mencari jalan penyelesaian (Lai Lee Chung, 2017). Keadaan ini telah dialami oleh guru sendiri sewaktu menggunakan MpTLD di dalam kelas. Guru mempunyai lebih masa bersama murid untuk membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid.

Kaedah dan teknik yang sesuai perlu dipadankan dalam pembelajaran di dalam kelas pada abad ini bagi melahirkan murid yang aktif dan berproduktif serta mempunyai kualiti dan daya kepimpinan yang tinggi dan bertanggungjawab. Oleh itu, modul pembelajaran kendiri sangat diperlukan oleh murid supaya mencapai hasrat falsafah pendidikan negara. Pembelajaran menggunakan modul ini lebih kepada pembelajaran secara individu yang berkesinambungan serta reflektif. Penggunaan modul ini juga telah mengambil kira latar belakang murid yang menggunakannya, kognitif dan minat murid, nilai serta gaya murid, bermotivasi serta mempunyai ruang masa yang lebih luas. Perkara ini amat diperlukan oleh murid dalam suatu proses pengajaran dan pembelajaran pada abad ini (Rosni, Zamuddin Shah & Shamsaipul, 2007).

Penyediaan modul pentaksiran di peringkat perkembangan murid di peringkat rendah perlu diolah bersesuaian dengan keperluan murid. Hasil dapatan daripada itu, murid dapat meningkatkan kemahiran dan lebih berkeyakinan serta dapat membentuk konsep kendiri pada diri murid supaya mereka boleh berjaya dalam persekitaran yang sedia ada dan murid sudah bersedia untuk menangani segala cabaran yang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka hadapi di alam persekolahan pada peringkat yang lebih tinggi. Pentaksiran di jalankan untuk menilai perkembangan murid-murid tersebut dari masa ke semasa. Guru perlu melakukan pentaksiran secara formatif dan autentik amat berguna diterapkan dalam diri murid-murid melalui pengajaran dan pembelajaran harian (Shahril, 2017).

Dapatan kajian oleh Kumaran & Azali (2019) memberikan implikasi kepada pihak sekolah dan guru. Guru dapat melakukan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di dalam kelas dengan selesa dan dengan penuh yakin menggunakan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan. Modul yang digunakan oleh murid boleh dijadikan sebagai bahan bukti rekod pentaksiran dan boleh ditunjukkan kepada para ibu bapa yang ingin mengetahui tantang perkembangan anak-anak di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah penggunaan modul telah digunakan dalam subjek lain seperti Biologi (Tek et al., 2013), Sejarah (M.Kaviza, 2019), Sains (Hassan Mustapha, Yusuff & Mansor 2017), Pendidikan Vokasional (Madmor, Kiong, Azman, Rus,Hanapi, Yunos, & Mohamad, 2017), Bahasa Arab (Dahaman, 2014) dan Fizik (Yang & Noordin, 2014). Modul pembelajaran yang dibina beserta dengan latihan pengukuhan akan menjadikan murid seronok, teruja dan lebih bersemangat mempelajari tajuk teknik Lukisan Digital dan secara tidak langsung dapat meransang kemahiran kognitif, afektif dan psikomotor (Najihah,Afendi,Azhari,Tze,Juminto, 2018).

Satu altenatif yang boleh menjadi rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah dengan menggunakan modul pembelajaran kendiri. Bagi murid yang sukakan kaedah belajar meneroka ilmu dengan sendiri, penggunaan modul pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kendiri ini sangatlah bersesuaian dengan mereka bagi mencari ilmu pengetahuan yang lebih bagi mata pelajaran yang dipelajari. Selain itu dengan menggunakan modul pembelajaran kendiri, dapat memupuk sikap berdikari dan berusaha dalam kalangan murid dan dapat menambahkan lagi keberkesanan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran kerana murid dapat mengakses secara individu dan kendiri (Amani Dahaman, 2014).

Salah satu strategi yang boleh diaplikasikan oleh murid supaya lebih bermotivasi ketika PdPc dijalankan di dalam kelas ialah pengatucaraan kendiri dan kemahiran daya tindak. Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan persekitaran pembelajaran bersesuaian dan berkesan. Matlamat PdPc tidak akan tercapai sekiranya guru tiada perancangan yang lengkap dan sistematik bagi membina modul (Nooraihan Ali et al., 2020)

Oleh yang demikian, guru di sekolah perlulah menggalakkan murid menggunakan modul pembelajaran bagi membantu murid untuk mencapai objektif dalam pembelajaran dan mencapai prestasi yang baik mengikut gaya pembelajaran masing-masing selain dari menyahut saranan pihak kerajaan dimana pembelajaran masakini yang lebih berpusatkan kepada murid serta dapat mengubah kemahiran berfikir ke tahap pemikiran kognitif yang lebih tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 MODEL REKA BENTUK PENGAJARAN

Pendekatan yang digunakan dalam pembinaan dan pelaksanaan MpTLD ini berdasarkan model reka bentuk dan pembangunan daripada bahan pembelajaran. Model ini dibentuk hasil dari pengubahsuaian Model ADDIE. Model ADDIE (Analysis, Design, Developement, Implementation, Evaluation) merupakan satu model reka bentuk instruksional pengajaran. Alat bantu mengajar guru yang menggunakan teknologi yang efektif dan sempurna boleh dihasilkan dengan berdasarkan kepada Model ADDIE (Muhamad Shakir Saad, Sabariah Sharif & Muralindram Mariappan, 2018). ADDIE ialah proses dimana dapat aplikasikan konsep dan teori dalam pembinaan modul sebagai alat bantu mengajar (Dick & Carey, 1996). Oleh itu, penggunaan Model ADDIE ini banyak digunakan oleh para pendidik supaya dapat menyediakan satu persekitaran atau keadaan pembelajaran yang membolehkan murid-murid membangunkan pengetahuan dan kemahiran mereka dengan sendiri (Gustafson & Branch, 1997).

Pengkaji telah memilih model ADDIE dalam membangunkan modul MpTLD kerana model ADDIE ini telah banyak digunakan dan sangat popular digunakan oleh para pendidik dan pengkaji untuk menghasilkan ataupun untuk membangunkan model reka bentuk pengajaran. Juppri Bacotong & Zainiah Mohamed Isa (2016) dalam kajiannya menyatakan Model ADDIE ialah sebuah proses reka bentuk pengajaran yang menggunakan proses pengulangan dan boleh kembali semula ke peringkat sebelumnya kerana setiap peringkat mempunyai latihan penilaian yang berbentuk formatif. Murid yang dapat menjalani latihan penilaian dengan baik dan dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan produk akhir boleh pergi ke peringkat seterusnya. Peringkat ini bermakna, murid berada pada permulaan untuk peringkat seterusnya.

Model ADDIE boleh dipraktikkan dan digunakan untuk membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran. Murid boleh menggunakan modul itu pada bila-bila masa sama ada secara bersemuka atau atas talian (Aldoobie, 2015). Dalam Mohamad Hussin &Abdul Hadi Marosade (2019) mendapati model ADDIE sangat efisien untuk diterapkan dalam pembinaan modul kerana setiap input pada setiap fasa akan menjadi output pula kepada fasa seterusnya.

Model ADDIE telah diserapkan dalam pembangunan Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital yang terdiri daripada fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Sebelum berjaya menyiapkan modul MpTLD ini pengkaji telah mendapatkan data temubual keperluan modul dalam sesi pembelajaran. Setelah mengumpul data proses mereka bentuk modul telah berjalan dengan baik. Pengkaji mengaplikasikan teori beban kognitif dan minimalis dalam membangunkan modul MpTLD supaya murid dan guru dapat mencapai objektif pembelajaran dalam Teknik Lukisan Digital. Modul MpTLD telah digunapakai di dalam kelas Pendidikan Seni Visual untuk murid Tingkatan 3 tajuk Teknik Lukisan Digital. Penggunaan modul telah berjaya menghasilkan Lukisan Digital. Soalan kaji selidik tentang penggunaan modul telah diedarkan kepada murid untuk mengetahui keberkesanan modul MpTLD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 RUMUSAN

Oleh itu, sebuah modul yang dapat mengurangkan beban kognitif murid akan dibina bagi memudahkan PdPc dalam kelas. Dengan menggunakan MpTLD ini, guru dan murid akan mendapat satu pengalaman yang baru yang belum pernah dirasai sewaktu proses pembelajaran berlaku. Guru dan murid tidak akan melalui sebarang masalah kerana reka bentuk modul ini berdasarkan kepada 2 teori yang memang sangat bagus iaitu teori minimal dan teori beban kognitif. Guru dan murid akan menerima ilmu yang saling berkaitan antara satu sama lain kerana ianya mudah dan senang difahami. Pengkaji telah menggunakan proses yang telah dinyatakan dalam Model ADDIE supaya pembinaan modul tersebut berjaya mengurangkan beban kognitif murid dan dapat mencapai objektif pembelajaran. Arahan yang terdapat dalam modul telah membenarkan pembelajaran berlaku dengan kaedah kendiri dan sentiasa diubahsuai dengan penambahan pelbagai aktiviti yang menarik. Latihan dan aktiviti dalam modul tersebut mestilah memberikan ruang untuk murid memperbaiki kesalahan apabila tersalah dalam aktiviti yang dilaksanakan dan dengan itu produktiviti murid dapat ditingkatkan kerana murid boleh menggunakan komputer dan boleh menghasilkan produk yang diluar kemampuan mereka. Pendidikan Teknologi Maklumat di seluruh sekolah sesuai dengan perkembangan serta kemahiran teknologi masa kini bagi mencapai aspirasi yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Penerangan berkaitan metodologi kajian diterangkan dengan terperinci dalam Bab 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 PENGENALAN

Metodologi adalah bertujuan untuk memberi penjelasan bagaimana kajian ini dilaksanakan, data-data diperolehi dan bagaimana data dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Bab ini membincangkan mengenai metodologi pembinaan MpTLD menggunakan perisian GIMP. Dalam bab ini juga menerangkan tentang (i) reka bentuk kajian pembangunan, (ii) model reka bentuk intruksional pengajaran yang digunakan, (iii) responden kajian, (iv) lokasi kajian, (v) pensampelan dan (vi)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrumen kajian, (vii) prosedur pengumpulan, (viii) cara penganalisisan data, (ix) spesifikasi keperluan modul, (x) kajian rintis dan (xi) kesahan dan kebolehpercayaan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN PEMBANGUNAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian Reka Bentuk dan Pembangunan. Reka bentuk kajian ini merujuk kepada bagaimana membina MpTLD yang menggunakan perisian GIMP melalui pembelajaran berasaskan projek. Kajian pembinaan ini merupakan satu kaedah penyelidikan yang teratur dan sistematik tentang reka bentuk, pembangunan dan penilaian (i) pengajaran dan pemudahcaraan (ii) proses dan (iii) produk yang boleh dipercayai dan dinilai dengan beberapa instrumen. Teori dan praktikal digandingkan dalam kajian pembinaan ini serta melibatkan proses reka bentuk, pembangunan modul dan aktiviti penilaian yang dilakukan secara serentak (Seels dan Richey 1994). Produk yang dihasilkan dalam bentuk media pengajaran ialah satu proses yang digunakan dalam bidang teknologi untuk menterjemah satu rekaan reka bentuk (Richey et al. 1994). Terdapat dua jenis penyelidikan pembinaan iaitu Jenis 1 dan Jenis 2 ditunjukkan seperti Jadual 3.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1 *Dua jenis Penyelidikan Pembinaan*

Perkara	Jenis 1	Jenis 2
Penjelasan	Kajian mengenai produk spesifik atau reka bentuk program serta penilaian projek.	Kajian terhadap reka bentuk, pembinaan, penilaian proses, bahan-bahan serta model-model.
Produk	Pengetahuan pembelajaran daripada pembangunan produk yang spesifik dan menganalisis syarat-syarat yang memudahkan penggunaan sesuatu produk	Reka bentuk baru, pembangunan, penilaian prosedur atau model serta syarat-syarat yang memudahkan penggunaan model tersebut.
	Kesimpulan Khusus Konteks **=>**	**=> Kesimpulan Umum**

Sumber : Richey, Klein & Nelson 2004 (p.1103)

Kajian ini adalah berpandukan kepada penyelidikan pembinaan Jenis 1 yang mana MpTLD telah dibina mengikut spesifikasi modul yang telah ditetapkan. Reka bentuk kajian ini adalah bersifat 'testing out research' kerana reka bentuk kajian ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menguji dan mengesahkan teori pembelajaran yang digunakan secara praktik (Richey & Klien, 2007: hlm 1). Kajian reka bentuk dan pembangunan MpTLD ini melibatkan lima fasa yang akan diterangkan pada sub topik seterusnya.

3.3 MODEL REKA BENTUK INTRUKSIONAL PENGAJARAN

Model ADDIE (*Analysis, Design, Developement, Implementation, Evaluation*) merupakan salah satu model reka bentuk intruksional pengajaran. Menurut Dick, Carey & Carey (2009), reka bentuk pengajaran ialah proses sistematik untuk mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bentuk, membangunkan, melaksana dan menilai pengajaran. Dalam bidang pendidikan, reka bentuk pengajaran ialah strategi, kaedah yang sistematik dan teknologi yang digunakan dengan tujuan untuk memudahkan pelajar menguasai objektif yang dikehendaki (Yusup & Razmah, 2006). Tujuan utama reka bentuk modul ini ialah murid dapat menggunakan teknik lukisan digital menggunakan perisian GIMP ini bagi menghasilkan karya dan dapat memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang tertentu.

3.3.1 Fasa Analisis Keperluan

Peringkat analisis merupakan asas bagi semua peringkat lain dalam reka bentuk pengajaran yang bertujuan mengenal pasti objektif, kandungan, kesesuaian terhadap murid dan capaian model pembelajaran dan pengajaran (McKenny & Reeves, 2012: Larson & Lockee, 2014). Dalam menganalisis, pengkaji menganalisis buku teks Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 bagi mendapatkan maklumat tentang objektif yang akan dicapai oleh murid dan guru supaya bersesuaian dengan MpTLD yang dibangunkan. Seterusnya, pengkaji menganalisis maklumat murid bertujuan untuk mengetahui kemahiran dan pengetahuan yang ingin dipelajari dalam tajuk Seni Lukisan supaya minat dan bakat murid dapat dicungkil. Selain itu juga, pengkaji juga menganalisis kandungan perisian, ciri-ciri perisian dalam membangunkan modul. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji telah memilih perisian GIMP untuk membangunkan modul pembelajaran tersebut (Jadual 3.2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Teknik Pengumpulan data yang digunakan dalam Fasa AnalisiKeperluan

Teknik Pengumpulan Data	**Peserta Kajian**	**Tujuan**	**Lampiran**
Pemerhatian		Mendapatkan data tentang amalan pengajaran PSV di bilik darjah	
Temu bual Guru	Guru 1 Guru 2 Guru 3 Guru 4 Guru 5	Mendapatkan data tentang kepentingan modul dan keperluan modul	Lampiran A
	Pakar 1 Pakar 2 Pakar 3	Mendapatkan data tentang pandangan dan keberkesanan modul dalam pembelajaran	Lampiran B1 Lampiran B2 Lampiran B3
Temu bual Murid	Murid 1 Murid 2 Murid 3	Mendapatkan data tentang keperluan modul dalam pembelajaran, tentang perisian penyuntingan gambar dan teknik lukisan digital.	Lampiran C
Bukti Dokumen Guru		Melihat perancangan dan kesinambungan pengajaran guru dalam RPH bagi topik Lukisan	Lampiran D *RPH
Bukti Dokumen Pelajar		Melihat sama ada objektif dapat dicapai.	Lampiran E1-E6
Bukti Dokumen Sekolah / KPM		Melihat murid dapat mencapai tahap tinggi	Lampiran F *DSKP

Bagi mengumpulkan data dalam fasa analisis keperluan ini, pengkaji memperuntukkan masa yang agak panjang bagi mengenal pasti teori, konsep, sasaran, tempoh masa yang sesuai untuk pelaksanaan MpTLD, rasional penggunaan perisian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

GIMP dan tahap pengetahuan murid dan guru terhadap perisian GIMP. Jadual 3.3 menunjukkan aktiviti pengumpulan data fasa analisis keperluan.

Jadual 3.3

Aktiviti Pengumpulan Data Fasa Analisis Keperluan

Aktiviti	**Tarikh**	**Sasaran**
Perbincangan dengan Guru Pendidikan Seni.	01Julai 2019	Guru opsyen dan bukan opsyen yang mengajar subjek Pendidikan Seni Visual di sekolah
Perbincangan dengan peserta kajian	15Julai 2019	Menetapkan tarikh menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar
Menjalankan kajian Fasa 1: Kajian Analisis Keperluan	2Ogos 2019	Peserta Kajian: 1)- Guru PSV Tingkatan 3 2)- Murid Tingkatan 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk tujuan pembinaan modul, pengkaji perlu membuat kajian keperluan terlebih dahulu pada pihak yang berkepentingan atau pihak yang berkaitan dengan kumpulan sasaran yang akan menggunakan modul (Sidek dan Jamaludin, 2005). Pihak berkepentingan dalam kajian ini dipilih secara rawak untuk dilibatkan dalam fasa ini. Maklumat yang telah diperoleh dalam fasa ini telah menentukan terdapat keperluan bagi MpTLD ini. Huraian lanjut tentang instrumen kajian dan proses penganalisisan data, kajian rintis dibincangkan dalam sub topik seterusnya dalam Bab 3 ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Fasa Reka Bentuk Modul

Dalam peringkat reka bentuk, pengkaji menjelaskan cara untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan dalam peringkat analisis. Selepas mengenal pasti matlamat umum pengajaran dan pembelajaran, objektif pembelajaran yang lebih khusus perlu dibina untuk menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan jangkaan pengkaji terhadap perkara pengetahuan dan kemampuan murid. Antara elemen dalam peringkat ini ialah membina objektif pembelajaran, dan menentukan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) (McKenny & Reeves, 2012: Larson & Lockee, 2014). Fasa ini melibatkan lapan proses iaitu (i) menganalisis tugasan atau kandungan (memilih isi kandungan MpTLD), (ii) menentukan objektif pengajaran selari dengan DSKP, (iii) mereka bentuk urutan pengajaran *(sequencin*g), (iv) mereka bentuk strategi pengajaran berasaskan projek, (v) mereka bentuk struktur MpTLD, (vi) membina bahan pembelajaran dan merancang kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran, (vii) membina latihan pengukuhan bagi MpTLD dan (viii) membina rubrik pengajaran (Morrison et al., 2007; Sidek & Jamaludin, 2005)

Dalam kajian ini, pengkaji akan menekankan beberapa prinsip teori pembelajaran dalam MpTLD. Penggunaan teori minimalis dan teori beban kognitif dalam penghasilan modul ini bagi menyampaikan maklumat dengan teratur, menarik dan mudah bagi meningkatkan kefahaman pengguna terhadap isi kandungan modul. Teks yang mudah difahami memainkan peranan penting dalam sesuatu persembahan modul. Dapatan fasa ini menjadi input untuk peringkat ketiga iaitu pembangunan. Bagi membina objektif pembelajaran, pengkaji berpandukan fokus bagi penghasilan karya teknik lukisan digital bagi murid menzahirkan idea dan konsep dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan karya lukisan digital. Reka bentuk format MpTLD dalam kajian ini mengandungi ciri-ciri sepertimana berikut (LAMPIRAN G):

i. Prakata

ii. Isi Kandungan

iii. Penghargaan

iv. Pengenalan MpTLD

v. Panduan Penggunaan Modul

vi. Pengenalan modul 1 permulaan (Installation), Modul 2 TLD (pengenalan), Modul 3 TLD (lukisan) dan Modul 4 (melukis dan mewarna serta pengenalan kepada filter)

vii. Latihan Pengukuhan penyuntingan menggunakan GIMP

ix. Penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bagi setiap modul yang dibina ini, penerangan tentang objektif pembelajaran dilaksanakan dan menggunakan pendekatan yang sesuai. Dalam modul latihan pengukuhan, murid digalakkan melaksanakan segala aktiviti yang telah disediakan. Latihan pengukuhan yang disediakan mengikut turutan dan sistematik supaya mudah diikuti oleh murid. Soalan latihan disertakan pada akhir sesi setiap unit modul pembelajaran. MpTLD ini dimuat naik ke dalam google drive dan google classroom guru dan murid boleh memuat turun semua nota serta latihan yang berkenaan.

Reka bentuk struktur kandungan MpTLD dalam kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 3.1. Struktur kandungan modul dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu reka bentuk format modul, penghasilan modul-modul terdiri daripada modul 1 hingga modul 4 beserta latihan pengukuhan, dan keseluruhan MpTLD. Secara terperinci reka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bentuk struktur kandungan MpTLD ini boleh dirujuk sepertimana dalam (LAMPIRAN G).



Rajah 3.1 Struktur Kandungan MpTLD

3.3.3 Fasa Pembinaan Modul

Peringkat pembinaan merujuk pada penyediaan pembelajaran kepada murid untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah di tetapkan dalam peringkat reka bentuk. Peringkat ini melibatkan pembinaan rancangan pembelajaran dan bahan bantu mengajar (McKenny & Reeves, 2012: Larson & Lockee, 2014). Dalam kajian ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji membangunkan modul dengan membina beberapa rancangan pelaksana aktiviti iaitu guru Pendidikan Seni Visual yang mengajar di Tingkatan 3. Ini dapat memastikan pembangunan modul adalah tepat dan berkualiti. ini mengambil masa selama lebih kurang 3 bulan supaya pembangunan modul lebih lengkap. Perisian dibangunkan berdasarkan reka bentuk yang telah ditetapkan dalam fasa reka bentuk. Pada peringkat ini, pengkaji perlu menentukan bahawa segala pendekatan atau reka bentuk yang telah dipersetujui diikuti dan antara kandungan perisian tercapai dan menarik untuk pengguna. Secara keseluruhannya terdapat empat modul asas perisian GIMP dalam pembangunan MpTLD iaitu MpTLD 1 permulaan bagi perisian GIMP, MpTLD 2 tentang pengenalan, MpTLD 3 tentang Lukisan dan MpTLD 4 tentang melukis dan mewarna.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Dalam MpTLD ini, Jadual 3.4 menunjukkan huraian hasil pembelajaran yang harus dicapai oleh setiap modul 1 hingga 4. Murid-murid perlu diberi pendedahan kepada semua elemen-elemen digital melalui penggunaan perisian GIMP ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Huraian Hasil Pembelajaran Yang Harus Dicapai Bagi Setiap Modul 1 Hingga 4

Modul	Tema Utama Tugasan	Huraian Hasil Pembelajaran dan Kemahiran Digital Murid	
		Utama	**Sokongan**
Modul 1	Permulaan Pemasangan perisian GIMP	1. Mengetahui cara-cara untuk memasang perisian pada komputer, laptop atau telefon bimbit. 2. Melihat antara muka GIMP dengan jelas satu persatu. **TAHAP : mudah**	1. Murid dapat belajar menggunakan komputer 2. Murid dapat belajar Menggunakan perisian penyuntingan yang baru
Modul 2	Pengenalan	1. Mengenali ciri-ciri perisian GIMP secara ringkas. 2. Mengenali paparan antaramuka bagi perisian GIMP. 3. Memahami dan mengenali fungsi ikon-ikon dalam kotak alatan 4. Mengetahui cara untuk membuka fail baru dan menyimpan fail. 5. Mengetahui cara untuk menyunting gambar baru. 6. Mengetahui cara untuk membesarkan gambar dan memotong gambar. 7. Membuat aktiviti pengukuhan melalui latihan **TAHAP : Mudah**	1. Murid dapat belajar tanpa guru 2. Murid boleh belajar sendiri dan boleh menyelesaikan masalah sendiri.
Modul 3	Lukisan	1. Mengetahui cara-cara untuk melukis menggunakan lines dan curves. 2. Menahami cara untuk menukar warna menggunakan brushes. 3. Memahami cara penggunaan segiempat, bulatan dan bentuk yang lain. 4. Melakukan latihan pengukuhan **TAHAP : Sederhana**	1. Murid dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah 2. Murid dapat menggunakan ICT dengan berkesan
Modul 4	Melukis dan mewarna	1. Membuat eksperimentasi dan penerokaan pelbagai media dan teknik dalam proses penghasilan karya seni lukisan 2. Menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif hasil daripada eksperimentasi serta penerokaan terhadap seni lukisan digital. 3. Menterjemah hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan media dan teknik dalam proses penghasilan karya seni lukisan. 4. Mempamer, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni teknik lukisan digital. **TAHAP : Sukar**	Murid dapat kemahiran dalam menyunting gambar dan boleh dijadikan sumber kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4 Fasa Pelaksanaan

Peringkat pelaksanaan merujuk pada penyampaian sebenar MpTLD, sama ada dijalankan di dalam kelas, di makmal komputer atau di kawasan terbuka secara efektif dan efisien (McKenny & Reeves, 2012: Larson & Lockee, 2014). Dalam fasa ini, sekiranya pelaksanaan modul berjalan dengan lancar dan baik, maka akan dapat memotivasikan murid. Sebaliknya, pelaksanaan modul ini akan menyebabkan murid tidak bersemangat, murid berasa bosan dan murid akan tidak terlibat dengan sesi pembelajaran. Pada peringkat ini juga memerlukan pengkaji membuat kajian rintis. Kajian rintis ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang mutu modul secara umum khususnya dari segi kesesuaian struktur pembinaan modul dan kesalahan-kesalahan bahasa (Sidek dan Jamaludin, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.3.5 Fasa Penilaian

Peringkat penilaian mengukur keberkesanan MpTLD yang dijalankan secara menyeluruh, dalam sesuatu peringkat, antara satu peringkat ke peringkat yang lain dan selepas pelaksanaan MpTLD (McKenny & Reeves, 2012: Larson & Lockee, 2014). Seterusnya pengkaji menjalankan penilaian sumatif, iaitu penilaian keseluruhan versi akhir modul. Data daripada penilaian ini digunakan untuk membuat keputusan tentang MpTLD misalnya sama ada menghasilkan sebuah pakej pengajaran yang baik, meneruskan atau menghentikan pengajaran modul tersebut. Modul diberikan kepada guru dan murid bagi memastikan keberkesanan modul yang dihasilkan. Manakala, bagi penilaian formatif pula dilakukan untuk memperoleh maklumat tentang apa yang perlu diubah dalam sesuatu modul (Rajah 3.2). Penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di peringkat ini lebih melihat kepada proses MpTLD (Jadual 3.5). Sekiranya sesuatu modul itu berjaya melalui semua peringkat, maka modul tersebut boleh dianggap melepasi proses piawaian dan sedia akses untuk digunakan.



Rajah 3.2 Proses penilaian Modul pemelajaran Teknik Lukisan Digital. Diadaptasi daripada ‘ Model Penilaian Fomatif ’ oleh M. Tessmer1993. Planning Conducting Formattive Evaluations hlm 16

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5 *Proses Penilaian Modul*

Fasa Kajian	**Jenis Penilaian Formatif**	**Teknik Penilaian**
Fasa Reka Bentuk dan Pembinaan Modul	Penilaian pakar	Komen dan ulasan (review) dan pakar
	Penilaian satu dengan satu	Komen dan ulasan guru bersama murid
Fasa Pelaksanaan	Penilaian MpTLD kumpulan kecil (Kajian rintis): n=30 orang	Komen dan ulasan secara mendalam kumpulan berfokus murid n=30
Fasa Penilaian	Penilaian lapangan	Komen dan ulasan secara mendalam murid dan guru n=65 orang

Perincian bagi ringkasan fasa penilaian adalah seperti di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Penilaian pakar

Ulasan kumpulan pakar diperlukan bagi memastikan kesahan modul (Tessmer, 1993). Oleh sebab itu, dalam kajian ini sekumpulan pakar yang terdiri daripada dua pakar kandungan pelajaran Pendidikan Seni Visual, dua pakar reka bentuk pengajaran, dan dua pakar pedagogi Pendidikan Seni Visual dilibatkan. Aspek yang dinilai oleh pakar kandungan pelajaran PSV Tingkatan 3 ialah: (i) kesesuaian kandungan modul dengan sukatan pelajaran PSV Tingkatan 3 dari segi pembelajaran anjal kandungan modul, (ii) kemampuan kandungan modul pengajaran PSV Tingkatan 3 untuk memenuhi objektif pelajaran yang ditetapkan, dan (iii) pelaksanaan pengajaran PSV terutamanya tajuk teknik lukisan digital melalui aktiviti pengayaan secara menyeluruh. Perincian penilaian pakar kandungan dinyatakan dalam LAMPIRAN B1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek penilaian pedagogi atau strategi pengajaran melibatkan penilaian pakar terhadap (i) kejelasan dan kebolehcapaian objektif pelajaran, (ii) pengembangan isi pelajaran, (ii) aras penguasaan isi pelajaran, (iv) kesesuaian dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan, (v) keberkesanan dan kesesuaian bahan pembelajaran yang digunakan, dan (vi) kesesuaian dan keberkesanan penilaian membantu mencapai objektif pelajaran. LAMPIRAN B2 menunjukkan perincian penilaian reka bentuk modul. Bagi mendapatkan data daripada kesemua pakar, temu bual semi struktur digunakan. Item-item penilaian pakar disentuh dalam bahagian instrumen kajian.

Aspek penilaian reka bentuk pengajaran pula melibatkan penilaian pakar terhadap (i) kesesuaian modul pengajaran dengan latar belakang dan pengetahuan murid, (ii) kesesuaian modul dengan keperluan konteks pembelajaran dan objektif pelajaran, (iii) kebolehukuran objektif pelajaran, (iv) pemilihan dan penyusunan kandungan pelajaran, (v) ketepatan langkah-langkah atau urutan (sequencing) pengajaran yang digunakan, (vi) kesesuaian bahan pembelajaran, dan (vii) prinsip penilaian berterusan dan autentik. Perincian penilaian reka bentuk modul ditunjukkan dalam LAMPIRAN B3

(ii) Penilaian satu dengan Satu

Pelaksanaan penilaian satu dengan satu melibatkan pengguna MpTLD ini, iaitu guru dan murid. Penilaian ini dilakukan bagi melihat: (1) kejelasan (clarity) maklumat dan mesej pengajaran, khususnya dari aspek bahasa dan arahan yang dinyatakan dalam pengajaran, (2) kesan pengajaran kepada objektif dan murid, dan (3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehlaksanaan *(feasibility)* bahan pembelajaran, khususnya daripada aspek masa yang diperuntukkan dan aktiviti yang dicadangkan dalam pengajaran (Tessmer, 1993; Morrison et al, 2007; Smith & Ragan, 1999; Dick, Carey, & Carey, 2005). Penilaian ini melibatkan tiga (3) murid bagi setiap modul. Pada tahap ini, penyelidik berhadapan secara langsung dengan guru dan tiga murid bagi mengenal pasti, mengubah suai dan membuang mana-mana kelemahan yang terdapat dalam modul pengajaran. Bagi mendapatkan data dalam tahap penilaian satu dengan satu ini, pemerhatian dan temu bual dilakukan.

(iii) Penilaian kumpulan kecil/ Kajian Rintis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan dan penilaian dalam kumpulan kecil pula melibatkan satu kumpulan murid yang sama kriterianya dengan murid sasaran kajian ini. Terdapat dua tujuan utama penilaian dijalankan dalam fasa ini. Pertama, bagi melihat keberkesanan perubahan yang dibuat dalam tahap penilaian satu dengan satu, dan kedua bagi menentukan sama ada murid boleh mengikuti proses pembelajaran tanpa interaksi dengan pengkaji (Dick, et al., 2005). Kriteria yang menjadi ukuran kepada keberkesanan modul pada tahap ini ialah (a) isi kandungan, (b) aktiviti pengajaran dan pembelajaran, (c) bahan pembelajaran yang digunakan, (d) masa yang diperuntukkan, dan (e) penilaian yang digunakan dalam modul pengajaran PSV (Tessmer, 1993; Smith dan Ragan, 1999; Morrison et al, 2007). Bagi mendapatkan data tahap pelaksanaan dan penilaian kumpulan kecil ini, pemerhatian dan temu bual separa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

struktur dilakukan. Laporan daripada penilaian formatif ini digunakan bagi menyemak semula dan membaiki pengajaran yang dibangunkan.

(iv) Penilaian lapangan/ penilaian kelas sebenar

Pelaksanaan dalam kelas sebenar pula dilakukan bagi menentukan sama ada perubahan yang dilakukan dalam penilaian kumpulan kecil berkesan dan juga menentukan sama ada MpTLD yang dibangunkan ini boleh digunakan dalam konteks yang sebenar (Dick, et al., 2005). Dalam kajian ini, modul pengajaran yang diubah suai hasil daripada penilaian satu dengan satu dan penilaian kumpulan kecil dilaksanakan dalam penilaian lapangan. Pengkaji juga turut terlibat secara langsung dalam pelaksanaan modul seperti yang dilakukan dalam tahap reka bentuk dan pembinaan modul. Secara keseluruhannya, dalam kajian ini, proses pembinaan dan penilaian modul dilakukan berdasarkan teknik yang diketengahkan oleh Tessmer (1993). Menurut beliau, proses penilaian formatif ini melibatkan empat jenis penilaian, iaitu penilaian pakar, penilaian satu dengan satu, penilaian kumpulan kecil dan penilaian lapangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 POPULASI KAJIAN

Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada murid-murid Tingkatan 3 di SMK (P) Methodist Raub. Responden yang terlibat dalam populasi kajian ini adalah mereka yang mempunyai latar belakang yang berbeza, berbilang kaum tetapi di dalam umur yang sama. Mereka adalah murid Tingkatan 3 tahun 2019 yang belajar tajuk Lukisan Kontemporari dalam Teknik Lukisan Digital.

3.5 PEMILIHAN RESPONDEN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persampelan merupakan strategi yang mana pengkaji mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sebahagian individu yang diambil melalui teknik pensampelan bertujuan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dinamakan sampel. Responden kajian dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga kelompok utama iaitu: (i) responden kajian fasa analisis keperluan, (ii) responden kajian bagi fasa reka bentuk dan pembinaan MpTLD dan (iii) responden kajian bagi fasa pelaksanaan dan penilaian. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi mengganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji. Seramai 32 orang murid akan menggunakan MpTLD sebagai bahan bantu belajar selain yang terdapat dalam buku teks dalam tajuk Teknik Lukisan Digital. 3 orang guru Pendidikan Seni Visual juga akan memberi pandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang penggunaan MpTLD ini dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.

3.6 LOKASI KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan di SMK (P) Methodist Raub. Seramai 60 orang murid telah terlibat dalam kajian ini. Lokasi sekolah ini berada di bandar dan terdiri daripada murid perempuan yang berbilang kaum dan mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza. Pengkaji memilih sekolah ini kerana mudah untuk membuat penyelidikan kerana radius kilometer antara tempat tinggal pengkaji dan lokasi kajian adalah dalam lingkungan 10 KM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ialah alat untuk mengutip data. Dalam kajian ini menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu (i) temu bual, dan (iii) soal selidik. Bahagian ini akan membincangkan teknik pengumpulan data berdasarkan lima fasa.

3.7.1 Temu Bual Keperluan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik temu bual separa berstruktur digunakan bagi mendapat data yang lengkap sebelum, semasa dan selepas MpTLD. Kaedah temu bual digunakan adalah untuk mendapatkan data yang tidak diperoleh daripada pemerhatian seperti perasaan responden yang terlibat. Selain daripada itu, kaedah temu bual digunakan adalah untuk menyokong dapatan statistik akhir yang diperoleh dalam kajian ini. Temu bual separa berstruktur digunakan bagi memastikan temu bual yang dijalankan terhadap guru dan murid berjalan secara berarah dan dapat menjawab persoalan kajian ini. Protokol temu bual guru dan murid dilampirkan dalam LAMPIRAN A dan LAMPIRAN C

Dalam kajian awal sebelum modul direka bentuk, temu bual separa berstruktur digunakan bagi mendapatkan data daripada guru dan murid. Beberapa soalan berkenaan dengan modul telah ditanya kepada beberapa orang guru pakar. Hasil dari temu bual tersebut mendapati, guru bersetuju dengan penggunaan modul dan menyatakan modul sangat diperlukan untuk memudahkan murid dalam pembelajaran bagi mencapai objektif dalam satu-satu subjek. Temu bual mendalam dengan pelbagai pihak turut dijalankan agar dapat memberikan penilaian keseluruhan terhadap MpTLD yang dibangunkan. Dengan adanya modul yang direka, murid dapat belajar sendiri setelah dipandu arah dalam kelas dan boleh dibawa dan digunakan di mana-mana sahaja. Modul tersebut boleh dijadikan sebagai panduan dan nota untuk murid lebih memahami satu-satu subjek itu. Berdasarkan kepada temu bual tersebut mendapati bahawa, modul sangat perlu dibina untuk keperluan murid dan guru dalam melancarkan sesi pembelajaran dan menjadikannya lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Soal Selidik Keseluruhan Modul

Dalam fasa penilaian, pengkaji menggunakan soal selidik untuk mengutip data sebenar. Soal selidik adalah teknik pengutipan data yang popular dengan mengadakan soalan atau item yang memudahkan responden memberikan jawapan (Mohamad Najib 2003). Kelebihan menggunakan kaedah soal selidik ini adalah responden tidak memerlukan masa yang banyak untuk menjawab soal selidik dan menganggu responden. Selain daripada itu kaedah ini menjimatkan masa, kos dan lebih senang mendapat kerjasama daripada responden (Zainudin Hassan & Muhamad Azam Jaafar, 2008). Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen berbentuk soal selidik yang diperolehi daripada kajian lepas dan dimurnikan mengikut kesesuaian untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini menggunakan skala Likert 1 hingga 5. Contoh Soal Selidik boleh dilihat di LAMPIRAN H

Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A ialah berkenaan dengan demografi responden, Bahagian B berkenaan dengan keberkesanan perisian, Bahagian C berkenaan dengan kebolehgunaan MpTLD dan Bahagian D pula berkenaan dengan Pembelajaran Kendiri Murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu:

i. Bahagian A - Demografi (Maklumat Responden) yang memerlukan responden menanda maklumat diri seperti jantina, umur, jenis sekolah dan kekerapan menggunakan teknologi.

ii. Bahagian B - Soalan mengenai soal selidik keberkesanan MpTLD menggunakan perisian GIMP. Soalan yang ditanya berdasarkan kepada (i) media penyampaian, (ii) perkhidmatan yang diberikan oleh guru dalam menggunakan perisian GIMP, (iii) hasil pembelajaran dan (iv) struktur kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Bahagian C - Soalan mengenai soal selidik kebolehgunaan MpTLD menggunakan perisian GIMP. Soalan yang ditanya adalah berdasarkan (i) pembelajaran anjal kandungan modul, (ii) kandungan pembelajaran dan (iii) penggayaan. Bahagian ini mengemukakan soalan-soalan berbentuk skala likert lima mata yang bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman responden terhadap MpTLD serta gaya pembelajaran murid. Soalan-soalan ini diadaptasikan oleh pengkaji berdasarkan konstruk kebolehgunaan modul pembelajaran kendiri yang dibangunkan dan gaya pembelajaran murid terhadap kelas Pendidikan Seni Visual di dalam tajuk Lukisan Kontemporari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Bahagian D - Soalan mengenai soal selidik. Soalan berkenaan dengan gaya pembelajaran murid terhadap aplikasi perisian GIMP menggunakan MpTLD yang mempunyai 14 soalan.

Kesemua soal selidik ini di adaptasi oleh pengkaji yang lalu yang telah disahkan kebolehpercayaan dan kesahannya (Nor Syazwani, 2017). Responden dikehendaki menjawab ke semua item tersebut. Setiap item akan diberi nilai sebagaimana yang dimaksudkan dalam soal selidik. Berikut merupakan keseluruhan item dalam soal selidik MpTLD.

Jadual 3.6 *Kandungan MpTLD*

Faktor	**ID Item**	**Jumlah Item**
Kandungan Keberkesanan MpTLD menggunakan perisian GIMP		
Media Penyampaian	KPA1-KPA6	6
Perkhidmatan	KPB7-KPB10	4
Hasil Pembelajaran	KPC11-KPC16	6
Struktur Kelas	KPD17-KPD27	11
Jumlah		27
Kandungan Kebolehgunaan MpTLD menggunakan perisian GIMP		
Pembelajaran anjal kandugan modul	KMA1-KMA12	12
Kandungan Pembelajaran	KMB13-KMB20	8
Pengayaan	KMC21-KMC31	11
Jumlah		31
Kandungan pembelajaran kendiri murid		
Pembelajaran Kendiri	PKA1-PKA14	14
Jumlah		14
	JUMLAH KESELURUHAN	72

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 ETIKA PENYELIDIKAN

Dalam menjalankan penyelidikan perkara yang paling perlu dititikberatkan ialah etika ketika menjalankan kajian. Dalam penyelidikan data yang dikumpul adalah seperti dokumen rekod rasmi, surat rasmi, diari, jurnal, teks bertulis,gambar, surat dan sumber-sumber lain (Chua Kim Hwa, 2005). Berdasarkan kenyataan Alison Kelly (dipetik dalam Chua Kim Hwa, 2005) setelah mendapatkan data penyelidikan seperti temubual atau rakaman video serta audio daripada individu atau secara berkumpulan, penyelidik perlulah bersikap berintegriti dan perlu ada unsur kepercayaan dalam menyimpan data. Semasa penyelidik menjalankan penyelidikan di sekolah, permohonan dan kebenaran perlu dilakukan terlebih dahulu untuk mendapatkan persetujuan daripada sekolah dan ibu bapa murid yang terlibat dalam kajian. Surat kebenaran dan pengesahan sebagai pelajar pasca siswazah yang dikeluarkan oleh pihak fakulti Universiti Pendidikan Sultan Idris perlu dicetak sebagai bukti penyelidik sedang menjalankan kajian. Salinan surat yang berkaitan dengan penyelidikan telah pun dihantar ke peringkat Jabatan Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri dan juga tempat yang dikaji iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Methodist Raub. Penyelidik telah mengedarkan surat kebenarnan kepada 62 orang murid sebagai makluman kepada penjaga. Surat kebenaran ibu bapa atau penjaga disertakan di dalam LAMPIRAN I. Penyelidik juga mendapatkan surat kebenaran daripada fakulti untuk mendapatkan kebenaran bagi menemubual pakar dan beberapa orang guru sebagai respondan dalam kajian. Surat kebenaran ini juga disertakan dalam LAMPIRAN J.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3 Proses Etika Penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis ialah kajian yang dibuat sebelum kajian sebenar dijalankan yang bertujuan untuk memastikan instrumen kajian mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi serta dapat menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin berlaku semasa kajian sebenar dijalankan. Kajian ini dijalankan ke atas lima orang murid secara kumpulan berfokus yang setara dengan responden kajian sebenar iaitu dari segi lokasi, pemilihan dan profil responden. Kajian rintis dimulakan dengan temu bual mendalam secara tidak berstruktur yang mana pengkaji bertanyakan tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soalan-soalan yang berkaitan dengan pembelajaran dalam Pendidikan Seni Visual terutama sekali tentang Teknik Lukisan Digital dan perisian yang pernah digunakan. Selepas kajian rintis dijalankan secara kumpulan berfokus, yang mana setiap item dalam soal selidik diuji satu persatu secara bersemuka samada murid memahami atau tidak setiap soalan yang diajukan dalam soal selidik yang dibina. Kemudiannya, item soal selidik dan temu bual berstruktur perlu dimurnikan mengikut maklum balas yang diperolehi.

Hasil daripada kajian rintis yang telah dilakukan menunjukkan terdapat murid yang tidak dapat memahami maksud soalan kerana soalan yang terlalu panjang dan guru menggunakan aras bahasa yang tinggi. Tetapi setelah berbincang dengan guru dan murid dapat menajawab soalan yang ditanya dalam borang kaji selidik yang telah diedarkan. Selepas itu, pengkaji cuba menukar aras bahasa yang lebih mudah difahami oleh murid untuk menjawab.

3.10 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Bahagian ini menerangkan laporan dapatan kajian. Ke semua item soal selidik telah disemak secara teliti dan penambahbaikan dibuat relevan dengan tujuan kajian penyelidik. Memandangkan instrumen baru perlu mendapat pengesahan daripada pakar bidang (Saskatchewan Ministry of Education, 2013), maka soal selidik MpTLD

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah ditunjuk dan dirujuk kepada tiga orang pakar. Pakar tersebut diminta untuk meneliti ketepatan kaedah pembinaan instrumen kajian, memberi maklum balas terhadap unsur format, struktur item dan kelengkapan item.

3.10.1 Prosedur Kesahan Kandungan

Kesahan kandungan merujuk kepada sejauh mana alat ukur yang digunakan mewakili bidang atau kandungan yang hendak diukur. Kesahan ini bertujuan untuk memastikan bahawa item-item yang terkandung dalam sesuatu alat pengukuran benar-benar mewakili bidang yang sepatutnya diukur. Penilaian ini dinilai oleh individu yang mempunyai kepakaran dalan bidang yang dikaji. Perbincangan dilakukan dengan pakar-pakar bahasa dan teknikal. Proses penilaian dihakimi oleh dua pakar pendidikan, dua pakar latihan komputer dan dua pakar teknologi pendidikan. Satu ujian- pra diadakan melibatkan 32 murid sekolah SMK (P) Methodist Raub.

Hasil daripada penelitian pakar, beberapa soalan yang berulang dan mempunyai maksud yang sama dikenal pasti dan tidak menepati domain kajian telah dikeluarkan daripada senarai item. Langkah ini diambil supaya tidak menjejaskan kualiti soalan soal selidik. Soal selidik ini kemudian diorganisasi semula mengikut perkara yang hendak diuji dan diserahkan semula kepada pakar untuk semakan semula. Proses semakan berlaku secara iteratif sehinggalah pakar berpuas hati bahawa item-item yang terdapat di dalam soalan kaji selidik telah menepati objektif kajian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memenuhi kriteria kesesuaian, kebolehgunaan dan lengkap dengan domain-domain dikenal pasti.

3.10.2 Pemeriksaan Kefungsian Instrumen Pembelajaran Kendiri MpTLD

Kebolehpercayaan pula seringkali dirujuk untuk menggambarkan kestabilan dan ketekalan dalaman (Creswell 2002, 2005, 2010; Pallant 2001; Sekaran 1992). Nilai Cronbach Alpha pula seringkali dirujuk semasa pengukuran ketekalan dalaman sesuatu konstruk (Cronbach 1946; Norusis 1977). Nilai Cronbach Alpha yang melebihi 0.60 sering kali diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen (Mohd Majid 1990; Pallant 2001; Siti Rahayah 2003). Bagi Sekaran (1992) pula, nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima, nilai Alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai Alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Berdasarkan penerangan di atas, penulis telah menggunakan nilai Cronbach Alpha bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik.

Untuk penilaian kebolehpercayaan, instrumen telah diberikan kepada tiga murid sekolah SMK (P) Methodist Raub. Dalam ujian pra dan seterusnya kepada 32 responden lain yang mengikuti PdPc Teknik Lukisan Digital ini. Analisis kebolehpercayaan Alpha Cronbach telah dijalankan untuk memastikan ketekalan dalaman sekurang-kurangnya dikekalkan. Nilai kebolehpercayaan ketiga-tiga soal selidik menghasilkan indeks kepercayaan lebih daripada 0.6 mengikut soal selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti dalam Jadual 3.6. Ini membuktikan bahawa instrumen pembelajaran kendiri MpTLD diterima. Selaras dengan keputusan ini, perundingan bersama pakar bidang mencetuskan idea, pandangan dan cadangan untuk meneruskan kesahan instrumen PdPc berdasarkan kesahan kandungan.

Dalam kajian ini turut menggunakan model pengukuran Rasch digunakan bagi menganalisis data kajian. Model pengukuran Rasch bertujuan untuk menguji dan memeriksa kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen (Linacre, 2012; Bond & Fox, 2007). Menggunakan perisian WINSTEPS Versi 3.69.1, lima analisis utama yang dijalankan dalam kajian ini, iaitu pemeriksaan kefungsian item dari aspek (i) kesesuaian (fit) item, (ii) mengesan kekutuban item melalui nilai PTMEA CORR, (iii) unikematraan, (iv) peta item-individu dan (v) indeks kebolehpercayaan dan indeks pengasingan item-individu. Penerangan yang lebih terperinci dimasukkan dalam LAMPIRAN K Secara keseluruhannya nilai kebolehpercayaan dan kesahan instrument yang diperoleh adalah tinggi, maka instrument MpTLD ini boleh dipercayai dan sah. Model pengukuran Rasch mempunyai keobjektifan yang spesifik, iaitu kesukaran item bergantung kepada keupayaan individu yang mengambil ujian manakala keupayaan individu pula bergantung kepada kesukaran item (Bond & Fox 2015; Rafidah & Mohd Effendi, 2019).

Dengan menggunakan analisis Winsteps, dapatan menunjukkan indeks kebolehpercayaan item dan indeks kebolehpercayaan responden yang tinggi dan kebolehsusunan item secara hierarki mengikut aras kesukaran item. Ini membuktikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa instrumen MpTLD yang dibina boleh dipercayai dan sah. Menerusi analisis Rasch sebanyak 50 item MpTLD didapati menunjukkan ciri kesahan konstruk yang baik. Hasil dapatan mendapati 22 item perlu digugurkan kerana tidak padan, mempunyai aras kesukaran yang sama dan tidak mengukur konstruk yang sepatutnya diukur. Kajian ini penting sebagai pendedahan kepada penyelidik dalam proses menambah baik instrumen, membina instrumen, proses pengesahan dan kebolehpercayaan serta penentuan kaedah statistik yang sesuai digunakan.

Jadual 3.7

Ringkasan item dan nilai kebolehpercayaan instrument Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital

Konstruk	ID Item Asal	Jumlah Item Asal	Jumlah Item Baru	Item yang digugurkan	Nilai α	Nilai Kebolehpercayaan, α
Kandungan Keberkesanan MpTLD menggunakan perisian GIMP						
responden kurang daripada 100 (n<100). Murid lebih suka melakukan aktiviti projek ketika sesi pembelajaran di dalam kelas mahupun di makmal komputer, melakar serta mengingati pembelajaran berdasarkan perkara yang didengar dan dipelajari di kelas. Murid lebih suka melakukan eksperimen, mengambil bahagian dalam main peranan dan melakukan aktiviti di dalam kelas. Murid belajar dengan membaca arahan dan panduan. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara modul dan pembelajaran kendiri murid. Ini menunjukkan murid boleh menggunakan modul tanpa bantuan guru samada di rumah atau dimana sahaja dan berusaha dalam menyelesaikan masalah menghasilkan lukisan menggunakan teknik lukisan digital. Seterusnya hipotesis kajian yang berkaitan dikemukakan sebagai asas pertimbangan kajian ini untuk menjawab persoalan 4. Bagi menguji hipotesis null (Ho) ini, pengkaji telah menganalisis dengan menggunakan analisis Korelasi Pangkat Spearman's Rho.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis Null (Ho):

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital dengan pembelajaran kendiri murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.

Hipotesis Altenatif (Ha):

Terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan Modul pembelajaran Teknik Lukisan digital dengan pembelajaran kendiri murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.8, dapatan kajian menunjukkan nilai korelasi antara kategori kebolehgunaan MpTLD dan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid Pendidikan Seni Visual r (0.574), $p<0.01$. Terdapat korelasi yang positif dan signifikan pada tahap yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hubungan korelasi ini adalah signifikan, yang mana $p<.0$ ($p=.000$). Oleh itu, kajian ini menolak hipotesis null dan menerima hipotesis alternatif yang mana terdapat hubungan yang positif antara kebolehgunaan MpTLD dan pembelajaran kendiri murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 RUMUSAN

Kepentingan kajian ini adalah memberi keutamaan kepada murid Tingkatan 3 sekolah menengah yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Walau bagaimanapun, modul pembelajaran ini tidak mengkhususkan kepada mana-mana peringkat pengajian dan peringkat umur pengguna kerana modul ini dibangunkan secara fleksibel dan kendiri. Penggunaan modul pembelajaran kendiri bagi Teknik Lukisan Digital (MpTLD) menggunakan perisian GIMP ini juga terbuka kepada semua pengguna yang berminat untuk mempelajari teknik-teknik penyuntingan menggunakan aplikasi perisian GIMP. Kekuatan modul ini adalah pada reka bentuk dan isi kandungannya yang bersesuaian dengan kaedah pembelajaran kendiri murid dan menepati. Isi kandungan modul serta arahan yang telah disusun dalam bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mengambil kira beban kognitif murid dan membantu murid untuk memahami dengan lebih tepat apa yang cuba disampaikan oleh penulis. Selain itu, gabungan teks dan grafik dalam modul ini juga dapat mengurangkan beban kognitif murid kerana rajah yang digunakan sebagai panduan kepada arahan telah disekalikan dan murid tidak perlu berulang alik antara arahan dan rajah. Kesimpulannya, hasil dapatan kajian telah menjawab kesemua persoalan kajian yang ditimbulkan dan telah menyumbang kepada bidang yang dikaji. Penerangan terperinci akan dibincangkan dalam Bab V.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 PENGENALAN

Bab ini membincang dan merumuskan hasil keseluruhan dapatan kajian yang diperoleh dan perkaitannya dengan kajian lepas. Perbincangan ini adalah merangkumi keseluruhan kajian berpandukan kepada persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Pengkaji membuat rumusan, membincangkan dapatan, mengemukakan sumbangan dan implikasi kajian serta mencadangkan aspek-aspek yang perlu diberi pertimbangan dalam pembinaan modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(MpTLD). Bab ini disusun mengikut tujuh subtajuk iaitu (i) Ringkasan Kajian- membincangkan secara ringkas tentang tujuan kajian, reka bentuk kajian, instrumen, sampel dan kaedah analisis data, (ii) Perbincangan Dapatan Kajian berdasarkan tujuan dan persoalan kajian, (iii) Rumusan Dapatan Kajian. Pengkaji membuat kesimpulan berdasarkan tujuan kajian, (iv) Implikasi dan Cadangan- kepada teoritikal, pengajaranpendidik, murid, amalan/praktikal dan perspektif isu semasa dan kerjaya (v) Sumbangan terhadap teori, metodologi, praktikal, (vi) Cadangan Kajian Lanjutan - pengkaji menekankan aspek-aspek yang boleh dipertimbangkan untuk kajian masa hadapan bagi melihat sejauhmana pembinaan MpTLD dapat memberi sumbangan yang positif kepada pembelajaran kendiri murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 dan (vii) Penutup – membuat kesimpulan terhadap fenomena revolusi kurikulum menggunakan bahan bermodul dan keberhasilan individu yang holistik, menghayati pembelajaran sepanjang hayat yang fleksibel.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) menggunakan perisian GIMP yang mengambil kira kepelbagaian gaya belajar murid. Modul dibina ini juga berasaskan teori minimalis dan teori beban kognitif. Kebolehgunaan modul ini dapat mengurangkan beban kognitif dan dapat membantu murid mengoptimumkan maklumat yang terhad. Selain itu, gabungan teks dan grafik dalam modul ini juga dapat mengurangkan beban kognitif murid kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rajah yang digunakan sebagai panduan kepada arahan telah diasingkan dan murid tidak perlu mengulangi membaca arahan dan rajah. Melalui modul yang direka bentuk berdasarkan teori beban kognitif, murid dapat menjalankan aktiviti bagi mencapai objektif dalam menghasilkan lukisan digital dengan menggunakan perisian sumber terbuka GIMP. Pengaplikasian teori minimalis dilaksanakan dengan mereka bentuk modul pembelajaran kendiri menerusi penyediaan nota, tutorial dan latihan pengukuhan dengan cara menstrukturkan arahan satu persatu bukan dengan menceritakan di dalam bentuk karangan ataupun perenggan. Kandungan teks distrukturkan dengan menyenaraikan setiap satu persatu langkah terhadap penggunaan tutorial serta soalan yang jelas mengenai latihan pengukuhan.

Secara keseluruhannya, pembangunan MpTLD ini adalah untuk pemudah cara guru dan murid bagi menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam tajuk besar Lukisan Era Seni Kontemporari Tingkatan 3. Dengan menggunakan MpTLD ini diharap dapat membantu murid dalam aktiviti Eksplorasi Seni bagi menghasilkan karya menggunakan Teknik Lukisan Digital. Murid juga dapat membuat eksperimentasi dan penerokaan dalam menghasilkan karya seni lukisan menggunakan Teknik Lukisan Digital yang menggunakan modul perisian ini. Oleh itu, murid boleh menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif melalui aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Justeru itu, murid dapat mencapai objektif pembelajaran di dalam tajuk lukisan. Guru bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan murid mencapai objektif DSKP yang telah ditetapkan oleh KPM. Guru juga bertanggungjawab bagi memastikan murid dapat mencapai tahap pengguasaan dalam yang tinggi dalam PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 PERBINCANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dipandu oleh empat persoalan kajian utama iaitu:

1. Adakah perisian sumber terbuka GIMP berkesan digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam Teknik Lukisan Digital?
2. Adakah MpTLD menggunakan perisian GIMP ini dapat membantu murid dalam pembelajaran Lukisan Digital Tingkatan 3 di sekolah?
3. Adakah MpTLD berasaskan teori minimalis dan teori beban kognitif?
4. Adakah terdapat hubungan antara MpTLD dengan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Keberkesanan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD)

Modul ini sangat sesuai dijadikan bahan pengajaran untuk tajuk teknik lukisan digital dalam kelas kerana membawa kepada satu pengalaman yang pembelajaran yang baru. Kecenderungan manusia untuk berfikir adalah menggunakan bahagian tertentu otak. Penggunaan bahagian otak dipengaruhi cara memproses maklumat dan cara membuat keputusan. Bahagian-bahagian otak mempunyai fungsi yang berlainan dapat membentuk gaya pemikiran individu yang berbeza. Manusia menyerap maklumat melalui lima ransangan utama iaitu (I)) melihat, (II) mendengar, (III) menyentuh, (IV) merasa dan (IV) menghidu. Pendekatan pembelajaran berdasarkan wilayah otak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermaksud bahawa gaya pembelajaran yang positif dipengaruhi oleh fungsi dasar yang berbeza antara otak kanan dan otak kiri. Proses pembelajaran sangat berkait dengan kerja otak kanan dan otak kiri. Secara umumnya, pendekatan otak kiri adalah berfikir secara analitikal untuk menyelesaikan masalah langkah demi langkah, bersifat sistematik, numerikal dan logik. Otak kiri pula mengawal bahagian kanan anggota badan. Bagi otak kanan bersifat global iaitu memproses maklumat intuitif, kreatif, kesenian, mencari imej, konsep, corak bunyi dan pergerakan. Disebabkan itu juga murid sangat menyokong pembelajaran secara penerokaan yang telah diterapkan dalam sesi pembelajaran di dalam kelas PSV. Otak kanan mengawal perasaan dan persepsi visual dan melihat konsep secara keseluruhannya. Manusia memiliki memori jangka pendek dan jangka panjang. Memori jangka pendek menggunakan otak kiri adalah untuk menyimpan maklumat sementara. Manusia cenderung mengingati hal-hal yang aneh, ganjil, lucu, atau ekstrim. Oleh sebab itu, untuk mengingati sesuatu, seseorang perlu mengaitkan dengan sesuatu gambaran secara visual yang lebih menggunakan otak kanan.

Perkaitan antara teori otak kanan dan kiri serta penggunaan reka bentuk pembelajaran dalam kajian ini membantu penyelidik menghasilkan Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD) ini dengan mengambil kira semua aspek penting. Membuat grafik, warna yang menarik, berinteraktif dan pengaplikasian pelbagai media membantu murid untuk mencapai pembelajaran bermakna sekaligus dapat menghasilkan kemahiran boleh pindah. Murid sangat cekap melaksanakan aktiviti yang diberi kerana melibatkan perkara yang mereka minati dan berdasarkan kepada pengalaman mereka sebelum ini. Kecekapan mereka boleh dilihat apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka aktif mencari maklumat dan gambar menggunakan internet untuk dimasukkan dalam aktiviti tugasan mereka. Guru hanya memberi sekali sahaja penerangan kepada murid dan murid berjaya menyiapkan tugasan mengikut waktu yang ditetapkan. Mereka tidak suka mendengar celoteh atau penerangan yang terlalu panjang dan menyebabkan mereka bosan untuk meneruskan sesi pembelajaran. Selain tu sesi pembelajaran yang berjalan dalam kelas sangat sesuai dengan Pembelajaran Abad ke-21. Penggunaan teknologi dalam kelas semasa sesi PdPc memang sangat digalakkan.

Dapatan kajian yang diperoleh daripada peserta menunjukkan bahawa modul ini sangat memberi manfaat kepada guru dan murid tingkatan 3 di SMK (P) Methodist Raub. Hasilnya tidak bercanggah dengan kajian lepas yang mana kaedah pembelajaran bermodul merupakan salah satu alat bantu mengajar yang sesuai digunakan dalam PdPc. Ciri-ciri modul yang baik dapat dijelaskan dengan tepat melalui pembinaan modul tersebut. Modul ini sangat berkesan digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam Lukisan Digital dan sangat berkesan kepada murid. Murid dapat menerima dan belajar menggunakan perisian ini dan telah berjaya menghasilkan kerya Lukisan Digital. Dengan itu, murid telah berjaya mendapat tahap tinggi dalam pentaksiran bilik darjah.

5.3.2 Kebolehgunaan Modul Pembelajaran Teknik Lukisan Digital (MpTLD)

Perenggan ini membincangkan faktor pembelajaran anjal yang membantu murid belajar dengan kadar kemampuan mereka sendiri tanpa perlu bersemuka dengan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

begitu kerap. Pembinaan MpTLD adalah selaras dengan saranan KPM untuk mengguankan ICT dan teknologi dalam pembelajaran PAK-21. Berdasarkan faktor ini ketepatan objektif, jangka masa serta arahan bagi setiap modul perlulah jelas. Penerangan maklumat setiap modul adalah berstruktur dan disusun mengikut cara yang membolehkan murid menyimpan arahan maklumat baru tersebut dalam jangka ingatan masa panjang.

Latihan penggayaan yang terdapat dalam modul pada akhir sesi pembelajaran setiap modul telah menguji kebolehgunaan MpTLD. Aktiviti tugasan dalam MpTLD disusun mengikut topik pembelajaran dan diakhiri dengan tugasan projek secara berkumpulan dan individu. Penggunaan setiapMpTLD adalah satu pendekatan PdPc melalui kemahiran menyelesaikan masalah. Contoh kerja adalah strategi pengajaran yang merangkumi demontrasi langkah demi langkah untuk menyelesaikan masalah pembelajaran ICT dalam MpTLD ini. Penggunaan setiap contoh kerja dalam MpTLD ini dapat membantu murid untuk menyelesaikan latihan pengukuhan yang diberikan pada akhir sesi pembelajaran. Latihan penggayaan yang dimaksukkan dalam MpTLD tersebut melibatkan penyelesaian masalah selaras dengan objektif pembelajaran mengikut DSKP KPM.

Daripada hasil kajian, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kebolehgunaan MpTLD dengan pembelajaran kendiri murid Tingkatan 3 PSV. Ramai murid telah bersetuju bahawa MpTLD ini boleh dibawa ke mana-mana sahaja dan murid boleh menggulangkaji di rumah dan latihan yang disediakan dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu murid untuk lebih memahami tentang penghasilan karya Lukisan Digital. Murid dapat mencapai tahap sekurangnya tahap penguasaan 4 berdasarkan penghasilan karya murid. Seterusnya, murid mampu mencapai tahap penguasaan 6 apabila murid boleh menjadi contoh kepada murid lain dan dapat membantu serta boleh menceritakan tentang karya dengan menggunakan bahasa seni visual yang betul.

5.3.3 Kandungan pembelajaran berasaskan Teori Beban kognitif dan Teori Minimalis.

Semasa pembinaan modul, teori beban kognitif telah digunakan. Teori ini telah menjelaskan bagaimana sesuatu bahan pembelajaran dapat membantu murid menggunakannya mengikut situasi dan keperluan masa masing-masing. Daripada perbincangan kajian-kajian lalu dalam perbandingan pembinaan bahan bermodul ini menunjukkan MpTLD memberi manfaat kepada murid Tingkatan 3 di SMK (P) Methodist kerana memudahkan dan mengurangkan beban kognitif murid. Oleh itu, perincian terhadap persembahan kandungan merupakan faktor yang utama dalam kebolehangunaan MpTLD ini. Ini kerana kandungan bahan-bahan kajian yang direka adalah untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid contohnya pembahagian bahan-bahan, contoh, susun atur, penggunaan warna modul, grafik, tajuk dan tulisan ilustrasi. Ciri-ciri modul ini digunakan secara menyeluruh agar MpTLD dapat menjana kaedah PdPc yang lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isi kandungan MpTLD yang dihasilkan membolehkan murid menerima maklumat yang sangat terhad kerana murid menggunakan ingatan jangka pendek. Gabungan teks dan grafik pada modul telah dapat mengurangkan beban kognitif murid kerana rajah yang digunakan sebagai panduan kepada arahan telah disekalikan dan murid tidak perlu membaca arahan secara berulang kali. Arahan dalam bentuk teks yang digabungkan dalam rakaman skrin dapat memudahkan murid memahami langkah yang perlu diambil dengan jelas dan tepat. Urutan langkah yang bernombor dan berlabel pada rajah dapat memudahkan murid. Maklumat yang perlu diisi juga diletakkan di sebelah langkah juga dapat memudahkan murid memahami dengan mudah. Latihan pengayaan yang terdapat dalam modul ini juga sangat menyeronokkan dan dapat mengukuhkan lagi ingatan jangka panjang murid. Murid juga boleh melihat kembali modul yang telah dipelajari walau dimanapun berada. Modul yang dihasilkan telah terbukti dapat mengurangkan beban kognitif dan dapat membantu murid mengoptimumkan maklumat yang terhad. Melalui modul ini juga murid dapat menjalankan aktiviti yang disarankan sewaktu PdPc dengan lancar di dalam kelas. Objektif yang hendak disampaikan oleh guru kepada murid dapat dicapai dengan jayanya. Murid dapat menghasilkan karya lukisan menggunakan Teknik Lukisan Digital.

Murid dan guru yang telah menggunakan MpTLD telah bersetuju bahawa modul yang dihasilkan menggunakan teori minimalis dimana tiada arahan yang panjang dan mudah difahami dengan mengikut gambarajah dan arahan yang diberi. Ini telah memudahkan murid menggunakan modul walaupun tanpa bantuan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul ini berjaya menarik minat murid kerana murid lebih suka dengan tugasan yang autentik berbanding pengajaran formal melalui arahan dan latih tubi.

Murid tidak perlu membaca dengan terlalu panjang dan arahan yang diberikan sangat mudah difahami. Penerangan konsep penyuntingan yang ringkas dan tepat bersekali dengan gambarajah, penggunaan Bahasa Melayu yang mdah difahami, istilah yang tepat dan latihan-latihan yang diberikan tersusun dan mudah diikuti telah dapat memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan pembelajaran. Murid dapat menjalankan aktiviti pembelajaran dengan tenang dan dapat menghilangkan kebosanan sewaktu di dalam kelas. Kelas yang aktif lebih bermakna dalam satu-satu sesi pembelajaran supaya objektif dapat dicapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Hubungan antara MpTLD dengan pembelajaran kendiri dalam murid Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3

Berdasarkan kepada rajah 4.1 dalam Bab IV pada halaman 99, menunjukkan satu hubungan yang linear antara skor kebolehgunaan MpTLD dan Pembelajaran kendiri dalam kalangan murid. Murid berpendapat bahawa medium pengajaran menggunakan kaedah pembelajaran bermodul boleh mencapai pembelajaran yang bermakna. Guru sebagai fasilitator dan pemudah cara sangat bersetuju bahawa kaedah bermodul dalam satu-satu sesi pembelajaran amat memberikan impak yang besar dan sangat positif. Walaupun maklumat boleh diperoleh daripada guru, namun murid diminta untuk belajar melalui usaha sendiri tanpa mengharapkan sepenuhnya pertolongan daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru matapelajaran. Keadaan ini seiring dengan amalan pembelajaran konstruktivisme iaitu murid diberi peluang untuk berfikir secara kritis terhadap tugasan dan aktiviti yang dijalankan menggunakan MpTLD ini. Tugasan yang diberikan mengikut situasi yang sebenar dan kaedah ini memberi pengalaman kepada mereka bagi merasai kemahiran sebenar yang perlu ada dalam diri mereka.

Setiap aktiviti yang dijalankan semasa proses pembelajaran di dalam kelas dijalankan dapat memberikan motivasi kepada murid untuk meningkatkan minat murid untuk belajar tanpa merasa kebosanan serta sentiasa dipantau oleh guru. Murid akan sentiasa dibantu dari semasa ke semasa sehingga mampu membina dan menghasilkan karya sendiri. Murid lebih suka melakukan aktiviti projek, suka melakar, mengingat pembelajaran berdasarkan perkara yang didengar dan dipelajari dalam kelas. Murid lebih suka melakukan eksperimen, mengambil bahagian dalam main peranan dan melakukan aktiviti di dalam kelas. Murid belajar membaca arahan dan panduan yang terdapat dalam modul sehingga terhasilnya karya seni lukisan digital. Murid menggunakan modul tanpa bantuan guru samada di rumah atau dimana sahaja dan berusaha dalam menyelesaikan masalah dalam menghasilkan Lukisan Digital

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada kesimpulan-kesimpulan dari penyelidikan ini, antara cadangan yang dikemukakan untuk penyelidikan selanjutnya ialah sentiasa memberi galakan dan motivasi kepada guru supaya membina modul bagi melancarkan proses PdPc mengikut bidang masing-masing. MpTLD ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan maklumat tambahan kepada individu selain daripada murid yang berminat. Bagi individu yang berminat, modul ini boleh digunakan untuk seseorang itu berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang perisian GIMP pada awalannya. Ini kerana ilmu pengetahuan adalah untuk semua orang yang menginginkannya asalkan mempunyai minat dan tujuan yang sama. Dengan menggunakan MpTLD ini masyarakat mungkin dapat mengembangkan bakatnya dalam bidang yang diceburi dan seterusnya memberikan impak positif kepada Negara. Seperti contoh jika masyarakat atau individu yang menggunakan MpTLD ini berada dalam bidang keusahawananan, ianya dapat mengembangkan perniagaannya dan mengaplikasikan apa yang telah dipelajarinya menerusi MpTLD ini.

Penggunaan strategi pembelajaran yang lebih menjurus kepada aktiviti yang membenarkan murid bergerak, memegang dan melihat pelbagai bahan visual khususnya dari alam semulajadi boleh dipelajari secara berkumpulan ataupun individu sangat sesuai dengan murid. Murid lebih terpengaruh justeru dapat meningkatkan minat belajar dan melakukan aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Berdasarkan dapatan kajian yang positif, pendidik boleh mengambil inisiatif daripada dapatan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan memberi kesedaran bahawa teknologi mempunyai potensi untuk membantu murid dalam pembelajaran mereka. Selain itu juga, dengan penggunaan MpTLD ini boleh memudahkan pemahaman murid terhadap keseluruhan kandungan serta subjek PSV yang dipelajari. Justeru, pengetahuan tentang teknologi dan kebaikan penggunaannya dalam kehidupan seharian akan lebih bermakna dan memberi peluang kepada murid untuk mencapai kemahiran boleh pindah, sekaligus dapat membantu meningkatkan ekonomi negara dan keluarga. Ini juga seiring dengan lonjakan PPPM 2015-2025 melalui pemangkin pembelajaran dalam talian tahap global.

Walau bagaimanapun, pembinaan modul ini masih terdapat kelemahan daripadanya, walaupun dapatan kajian telah menunjukkan responden bersetuju bahawa modul ini telah dibina dengan jayanya. Secara jelas, modul ini hanya menerangkan asas-asas penyuntingan imej GIMP sahaja, walhal banyak lagi teknik-teknik penyuntingan lain yang boleh diketengahkan lagi seperti penyuntingan animasi 3D, penggunaan alatan pen dan lain-lain. Modul ini juga hanya mampu bertahan untuk beberapa tahun sahaja dan bergantung kepada perkembangan teknologi maklumat semasa. Ini kerana evolusi penyuntingan imej sentiasa bertukar dari tahun ke tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5. IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini mencakupi implikasi kepada KPM, guru pendidikan seni dan murid. Kepentingan kajian ini adalah tidak mengkhususkan kepada mana-mana peringkat pengajian ataupun umur pengguna. Penggunaan Modul pembelajaran Teknik Lukisan Digital ini terbuka kepada semua pengguna yang berminat untuk mempelajari teknik-teknik asas melukis, mewarna, penyuntingan dan membuat garisan menggunakan perisian sumber terbuka GIMP. Kekuatan modul ini adalah pada reka bentuk dan isi kandungannya yang bersesuaian dengan kaedah pembelajaran kendiri murid. Isi kandungan modul serta arahan yang telah disusun dalam bentuk yang mengambil kira beban kognitif murid dan membantu murid untuk memahami dengan lebih tepat apa yang cuba disampaikan oleh pengkaji. Selain itu, gabungan teks dan grafik dalam modul ini juga dapat mengurangkan beban kognitif murid kerana rajah yang digunakan sebagai panduan kepada arahan telah disekalikan dan murid tidak perlu mengulangi membaca arahan dan rajah.

MpTLD ini juga dilihat sebagai satu kaedah bantuan kepada cara pengajaran dan pembelajaran semasa seperti syarahan yang membosankan dan kurang efektif. Penggunaan modul ini juga turut membantu semasa proses PdPc dijalankan. Guru tidak lagi menjadi fasilitator sepenuhnya. Ini kerana modul ini berupaya menjadi modul pembelajaran kendiri murid. Walau bagaimanapun, guru berpeluang untuk memerhati dan membantu segala aktiviti-aktiviti yang murid lakukan dalam kelas. Murid juga lebih bebas untuk memilih cara penggunaan modul mengikut tajuk yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah diberi. Murid juga boleh cuba meneroka sendiri sumber terbuka GIMP berdasarkan kepada MpTLD. Kekerapan penggunaannya secara latihan pengukuhan akan lebih memahirkan dan dapat memberi keyakinan kepada murid dan pengguna luar untuk menceburi bidang penyuntingan. Pengguna juga akan lebih berani untuk mengorak langkah ke hadapan bagi menceburi diri dalam bidang keusahawanan dengan menonjolkan hasil kerja melalui teknik yang telah dipelajari di dalam modul. Setiap perkara yang diceburi adalah bermula dengan permulaan, keyakinan dan akan membuahkan hasil.

5.5.1 Implikasi terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengharapkan agar murid-murid seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Untuk menjadi seperti yang diharapkan, murid perlu mendapat sepenuhnya pembelajaran di dalam kelas berpandukan kepada pembelajaran abad ke-21 dimana proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi,kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti. Dengan MpTLD ini, kesemua aspek di atas tadi dapat dicapai dengan berkesan dan sekaligus dapat mencapai hasrat KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.2 Implikasi terhadap guru Pendidikan Seni Visual

Guru yang telah terlatih menggunakan peralatan ICT telah memudahkan murid untuk mencapai objektif. Murid lebih mudah berinteraksi mempelajari kemahiran ICT yang mana murid juga boleh menggunakan kemahiran ICT di alam pekerjaan ataupun di universiti. Penggunaan ICT perlu terus diterapkan dalam pembelajaran di kelas dengan memasukkan elemen-elemen kemahiran boleh pindah.

Selain itu, menerusi pembelajaran ICT juga dapat memberi implikasi kepada guru-guru untuk mempelbagaikan media penyampaian pengajaran mereka serta mencipta aktiviti pembelajaran yang lebih bermakna. Guru-guru boleh menghubungkan topik dalam kurikulum teras dengan kehidupan yang sebenar. Apabila murid melihat hubungan antara apa yang dipelajari dengan dunia sebenar yang berkaitan dengan mereka, motivasi diri mereka akan meningkat. Ini dapat dilihat melalui integrasi kandungan modul dengan aplikasi kehidupan sebenar yang relevan dengan kehidupan seharian mereka yang mana dengan menggunakan ICT mampu memberikan kepuasan dan memberi inspirasi serta menawarkan penglibatan yang optimum antara pihak sekolah termasuk guru dan murid untuk sama-sama meningkatkan kemahiran yang boleh dipindahkan ke alam kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.3 Implikasi terhadap Murid

Berdasarkan dapatan kajian pembinaan MpTLD, modul ini dapat membantu menarik minat murid-murid untuk belajar. Mereka juga dapat meneroka pembelajaran ICT melalui pengalaman sekaligus membantu mereka dalam membina kemahiran boleh pindah dalam diri untuk diaplikasikan ke alam kerjaya kelak. Pengintegrasian ICT dalam pembelajaran Teknik Lukisan Digital mampu menarik minat murid untuk menyertai sesi pembelajaran. Ini kerana isi kandungan serta kaedah pembelajaran yang terdapat dalam modul ini terhasil dan dibina daripada keperluan murid iaitu pembelajaran berasaskan projek yang menggalakkan mereka bergiat aktif, berfikir secara kreatif dan kritis serta pembelajaran berasaskan PAK-21. Pembelajaran seperti ini memberi peluang kepada guru untuk menjalinkan hubungan bersemuka dalam lingkungan yang lebih kecil.

Dengan mengetengahkan pembelajaran ICT, adalah diharapkan murid-murid akan mempunyai motivasi dalaman yang kuat. Selain itu penerimaan ICT dalam kehidupan mereka dapat mempertingkatkan kemahiran diri bagi memperoleh kerjaya yang lebih baik serta membantu mereka dalam sosioekonomi agar tidak ketinggalan dari kepesatan ekonomi dunia. Dapatan kajian telah menunjukkan banyak kelebihan dalam meningkatkan penguasaan murid dari aspek perkembangan kognitif sosial, keupayaan diri dan kebolehan membuat keputusan terhadap apa yang dipelajari. Dapatan ini sekaligus meningkatkan tahap kesedaran tentang kepentingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan ICT dalam kehidupan mereka yang hanya bukan untuk belajar di rumah sahaja tetapi untuk mendapatkan pekerjaan di masa hadapan.

5.6 SUMBANGAN KAJIAN

Bahagian ini merupakan perbincangan tentang sumbangan kajian berdasarkan perbincangan dapatan kajian sebelum ini. Terdapat tiga sumbangan utama hasil daripada dapatan kajian lalu iaitu sumbangan kepada teori, praktikaldan sumbangan kepada industri. Sumbangan teori merujuk kepada perbincangan untuk membandingkan hasil dapatan kajian dengan teori yang digunakan dalam kajian. Bagi sumbangan metodologi adalah merujuk kepada pendekatan yang digunakan dalam pembinaan dan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada model reka bentuk pengajaran dan pembinaan bahan PdPc. Berikut merupakan perbincangan berkaitan dengan sumbangan kajian.

5.6.1 Sumbangan kepada Teori

Kajian ini memberi sumbangan kepada teori terhadap pembinaan MpTLD yang dibina berdasarkan spesifikasi keperluan modul yang telah dihasilkan. Dalam kajian ini, pembinaan modul MpTLD telah memberi implikasi kepada kefahaman konseptual,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman prosedur dan keberhasilan kemahiran boleh pindah murid melalui Teknik Lukisan Digital.

Penggunaan modul ini dapat memberikan pengalaman baru kepada guru dan murid dalam matapelajaran Pendidikan Seni Visual. Guru akan lebih efisyen dalam sesi pembelajaran dan pemudah cara dalam menyampaikan isi kandungan pembelajaran topik Lukisan. Murid telah mendapat satu pengalaman yang luar biasa berbanding dengan kelas sebelumnya dan lebih interaktif bagi merealisasikan hasrat KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pelan pembangunan yang ke-7 ialah memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6.2 Sumbangan kepada Praktikal

Berdasarkan daripada kajian, penyelidik mengandaikan bahawa kebolehan modul bergantung kepada banyak faktor. Faktor-faktor adalah seperti kebolehgunaan modul adalah seperti paparan antara muka modul, penggunaan grafik yang menarik, kandungan modul yang sesuai bagi mencapai objektif, penggunaan topik yang digunakan, pengaplikasian teori-teori pembelajaran dan banyak lagi. Oleh sebab faktor-faktor yang pelbagai, kebolehgunaan modul adalah mengikut kepada masing-masing. Kebolehgunaan sesebuah modul perlu melalui proses kesahan muka dan kesahan kandungan yang dirujuk kepada pakar-pakar bidang. Penyelidik telah merujuk kepada pakar bidang Pendidikan Seni Visual, pembangunan modul dan ICT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekuatan modul adalah pada konsepnya iaitu asas penyuntingan imej adalah sama sahaja walaupun teknologinya bertambah baik setiap masa. Metodologi yang digunakan dapat memantapkan lagi modul terutamanya dari aspek isi kandungan, maklumat-maklumat yang berkaitan dan juga aktiviti latihan terkini di samping menepati modul pembelajaran kendiri. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya memberi sumbangan praktikal kepada murid dan guru untuk menggunakan MpTLD ini secara fleksibel.

5.6.3 Sumbangan kepada Industri dan Amalan PdPc dalam PSV

Penggunaan modul dalam sesi pembelajaran amat memberikan banyak kebaikan kepada semua. Pembinaan modul pembelajaran dapat membantu banyak pihak terutamanya kepada guru, murid dan KPM. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dalam modul ini telah mengambil kira amalan terbaik bagi membantu murid mencapai standard pembelajaran yang ditentukan di samping menyediakan suasana pembelajaran yang menyeronokkan '*learning is fun'* semasa pengajaran dan pembelajaran. Modul yang disediakan boleh digunakan supaya murid dapat mencapai Standard Pembelajaran yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian yang dijalankan ini hanya kepada murid-murid PSV Tingkatan 3 di SMK (P) Methodist Raub sahaja. Bilangan sampel kajian adalah juga terhad. Oleh itu, cadangan kajian selanjutnya boleh dilakukan menggunakan sampel yang lebih besar agar dapatan kajian lebih menyeluruh. Selain itu kajian boleh dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes pelbagai di beberapa buah sekolah di Raub.

Cadangan penyelidikan masa depan adalah penting bagi menghadapi cabaran era teknologi maklumat mengikut kerancakkan penggunaan serta pembangunan ICT dalam kemahiran pedagogi di Malaysia. Beberapa saranan agar kajian lanjutan dapat diteruskan seperti menyediakan kursus-kursus pembelajaran penyuntingan imej kepada murid-murid dan orang awam yang berminat untuk mempelajari dan menguasai kaedah pembelajaran lanjutan penyuntingan gambar atau imej. Dengan adanya kursus seperti yang dinyatakan, murid akan memahami lebih dalam tentang perisian bagi mencipta kreativiti yang hebat.

Antara cadangan kajian seterusnya ialah melaksanakan kajian analisis keperluan digital yang lebih berfokus kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan latihan ICT guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian yang bertujuan untuk meninjau aspek yang diperlukan oleh seseorang guru dalam mengaplikasikan dan menggunakan ICT dalam proses PdPc dengan lebih berkesan. Aspek pengetahuan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran dan latihan yang sentiasa berubah mengikut zaman dan perkembangan memerlukan kajian menyeluruh untuk membantu guru melengkapkan diri dengan ICT pada tahap yang maksimum. Untuk menjamin keberkesanan penggunaan perisian, penggunaan ICT dan teknologi maklumat dalam PdPc, sampel guru subjek Pendidikan Seni Visual juga perlu supaya proses PdPc di dalam kelas lebih mantap dan lebih berkesan.

Kajian pembinaan dan pelaksanaan Modul pembelajaran GIMP boleh dijalankan untuk golongan kurang upaya supaya orang golongan upaya juga tidak ketinggalan dalam arus kemodenan Teknologi Maklumat. Selain itu juga, kajian untuk keberkesanan pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian menghasilkan karya lukisan digital perlu diambil kira dalam subjek Pendidikan Seni Visual supaya subjek ini setaraf dengan subjek-subjek lain pada abad ke-21. Kajian bagi keberkesanan mengaplikasikan prosedur dalam MpTLD untuk mencipta kreativiti dan menerapkan nilai-nilai murni juga boleh dijalankan.

Penggunaan MpTLD ini dapat mewujudkan pembelajaran aktif yang menyeronokkan dan berpusatkan murid, pemikiran dan kreativiti. Menjalankan PdPc yang bertumpukan proses penggunaan komputer terutama dalam seni visual, seni lukisan, grafik dan lain-lain. Selain itu, pelaksanaan program pendidikan dan latihan kemahiran teknologi maklumat dalam bentuk kegiatan kokurikulum (Kelab/Persatuan) di sekolah menengah perlu diwujudkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gabungan berkesan di antara penggunaan teknologi maklumat dengan mata pelajaran matau kursus lain seperti kursus keusahawanan boleh diadakan di sekolah menengah, sekolah rendah dan institut pengajian tinggi. Kemahiran teknologi maklumat perlu diketengahkan dalam kurikulum pendidikan yang mana guru-guru Pendidikan Seni Visual di sekolah perlu mempelajari kemahiran tersebut agar dapat menvariasikan kaedah pengajaran mereka. Ini kerana kreativiti seorang guru dalam mengolah bagi memandu pembelajaran dalam kelas sangat penting supaya murid lebih seronok dan gembira untuk belajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

5.8 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada perkembangan positif dalam dunia penyuntingan dan pengiklanan, sebuah perisian grafik muncul di pasaran dengan menawarkan pelbagai kemudahan untuk kegunaan ramai. Perisian GIMP merupakan perisian pengeditan imej secara '*raster*' yang telah diubahsuai dan dikemaskini seiring dengan dunia semasa dan penggunaanya adalah secara percuma. Versi perisian GIMP ini sentiasa dikemaskini bermula dari versi 0.x (pada 21.11.1995) sehingga versi 3.2 (pada 6.11.2020). MpTLD dibangunkan bagi memudahkan pengguna khususnya murid Tingkatan 3 mempelajari asas perisian GIMP. Melalui kajian penilaian yang telah dijalankan, terbukti bahawa MpTLD ini berjaya menerapkan elemen-elemen penting seperti teori-teori pembelajaran, strategi dan perkaedahan pembelajaran di samping boleh menarik minat pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diharapkan dengan adanya modul pembelajaran yang dihasilkan berdasarkan Teori Beban Kognitif dan Teori Minimalis ini dapat dijadikan sebagai satu panduan yang berguna kepada guru, murid serta pengguna luar yang ingin menguasai kemahiran menyunting imej secara digital. Kemahiran lukisan digital merupakan satu kemahiran yang diperlukan dalam penyuntingan imej secara berkesan. Terutamanya menggunakan modul MpTLD ini yang mampu mengikut kesesuaian masa dan kemampuan individu. Secara kesimpulan, didapati pengguna bersetuju menerima modul pembelajaran ini dan menyatakan MpTLD ini berfaedah, menarik, mudah difahami, mengemukakan pengetahuan asas GIMP. Pengguna MpTLD juga turut menyatakan bahawa akan terus menggunakan dan menguasainya bagi memantapkan lagi kemahiran lukisan digital mereka dalam penyuntingan imej, melukis dan mewarna secara digital. Sekaligus membantu mereka dalam mengawal situasi pembelajaran kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Kementerian Pendidikan Malaysia, (2015). *Buku panduan pengurusan matapelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah rendah dan Sekolah Menengah.* Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Putrajaya

Harleny Abd Arif, Muhammad Zaffwan Idris, Abdul Aziz Zalay@Zali & Rosni Nik Mohd Zaid. (2018). *Buku Teks Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3.* Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

Hassan, I. (2003). *Pendidikan Seni untuk Maktab & Universiti.* Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).* Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

http://bpk.moe.gov.my

Shahrulnizam Ramli, Syed Alwi Syed Abu Bakar & Sabzali Musa Khan. (2015). *Cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual Dengan Kemunculan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Di Malaysia.* Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26.

Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa. (2015). *Kaedah Penyelidikan Pengurusan. Pendidikan*. Edisi Ketiga. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Yusup Hashim & Razmah Man (2006). *Teknologi instruksional: Teori dan aplikasi.* Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti PendidikanSultan Idris

Dick, W., Carey, L, & Carey, J. O. (2009). *The systematic design of instruction* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.

McKenney, S., & Reeves, T. C. (2012). *Conducting educational design research*. New York: Routledge.

Larson, M. B., & Lockee, B. B. (2014). *Streamlined ID: A practical guide to instructional design.* Oxon: Routledge.

Nor Aizal Akmal Rohaizad (2015). *Keberkesanan Modul Pengajaran dan Pembelajaran dalam Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid-Murid Prasekolah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Psikologi Pendidikan).UniversitiTeknologi Malaysia.

http://eprints.utm.my/id/eprint/54687/25/NorAizalAkmalRohaizadPFP2015.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Miza Shahril Shah Mohd Isa & Norasyikin Mohd Zaid (2008). Pembinaan *Modul Pembelajaran Kendiri (mpk) Bagi Perisian Macromedia Flash Mx (penghasilan Montaj)*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia,Johor Bahru.

Baharuddin Aris, Rio Sumarni Sharifuddin, Manimegalai Subramaniam. (2002). *Rekabentuk Perisian Multimedia*. Skudai, Johor: UTM.

Rafiza Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman (2013). *Pembinaan Media pengajaran berasaskan multimedia di kalangan guru ICTL*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. University Malaya.

Amelia Carolina Spravigna (2015). *GIMP Retinex for Enhancing Images from Microscopes.* International Journal of Sciences. Alkhaer Publications, England.

Giuseppe Montesanto (2015). *A fast GNU method to daw accurate scientific illustrations for taxonomy.* Universiti of Pisa, Department of Biology, Via Luca Ghini 13, 56126 Pisa, Italy.

Criswell, J.R., 1989, *'Rethinking microcomputer instruction as part of teacher education reform*', Educational Technology, 23 (11): 40-43

Nur Fazirah Rahim & Siti Nur Diyana Mahmud (2018). *Pembelajaran Teknik Mnemonik Terhadap Sikap Dan Pencapaian Akademik Dalam Matapelajaran Sains Tingkatan 2 : Pencernaan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam. Universiti Kebangsaan Malaysia

Noorhidayah Khalid, Mohd Hanif A.Karim & Halizah Awang (2019). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Elemen Pembelajaran Berasaskan Masalah Menggunakan Model Pengukuran Rasch Dan Mengenal Pasti Komponen PBM yang diperlukan dalam Pelaksanaan Kerja Kursus Pengajian Kejuruteraan Awam.* Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ahmad Johari Sihes. 2010. Konsep Pembelajaran.
http://eprints.utm.my/10357/1/bab10.pdf [1 Ogos 2011]

Ahmad Zamzuri Mohamad Ali, et al. 2018. " *Multimedia dan Perisian Pendidikan Panduan Praktikal Reka Bentuk Dan Penyelidikan."* Universiti Pendidikan Sultan Idris:Nur Niaga Sdn.Bhd

Kaviza, M. (2019). Analisis keperluan terhadap pembangunan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah. e-Bangi, 16(6).

Madmor, M. A., Kiong, T. T., Azman, M. N. A., Rus, R. C., Hanapi, Z., Yunos, J. M., ... & Mohamad, M. M. (2017). Modul Peta Minda Buzan dan pencapaian pelajar pendidikan asas vokasional di Malaysia: Satu kajian keberkesanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Buzan Mind Map module and the educational achievement of Malaysian basic vocational students: An impact study). Geografia-Malaysian Journal of Society and Space, 12(3).

Rosni Zamuddin Shah & Shamsaipul (2007). *Modul Pembelajaran Kendiri Mata Pelajaran Reka Bentuk Berbantukan Komputer Autocard 3D*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

